

**Jilid 11
Bil. 10**



**Hari Selasa
23hb Mei, 1972**

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1207]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbandaran (Pindaan) [Ruangan 1255]

Rang Undang² Perpustakaan Negara [Ruangan 1266]

Rang Undang² Pemegang Pajakgadai [Ruangan 1291]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 23hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

Yang Berhormat DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

Yang Berhormat TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

Yang Berhormat DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

JAWATAN-KUASA SEMUA PARTI— PENGUNDI²

1. Tuan Goh Hock Guan (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada suatu Jawatan-kuasa semua parti akan di-tubuhkan untuk mengkaji masalah² tentang pendaftaran pengundi² dan mengeshorkan langkah² yang sesuai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu di-tubuhkan suatu Jawatan-kuasa semua parti bagi maksud yang tersebut itu. Kerja² ini ada-lah di-tugaskan kepada Surohanjaya Pilehanraya. Jikalau Ahli² Yang Berhormat dari pihak Pembangkang ada apa² pandangan atau chadangan boleh-lah mengemukakan-nya kepada Surohanjaya Pilehanraya itu.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the registration of voters on a continuous basis was suggested by us during the last Session of Parliament, and I am glad to see that the Election Commission has agreed to implement that proposal. The question which I would like to ask the Honourable Prime Minister is that when will this new measure of continuous registration of voters be implemented?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' tahu hal ini, sebab Election Commission ini ada-lah bebas dan kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu, saya boleh bertanya kepada Election Commission.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, the perennial problem with regard to the registration of voters is the fact that whenever there is an election a great number of voters cannot find their names and addresses in the Electoral Register. This has happened at almost every election and every by-election, even the last one at Kuala Lipis and I think the same will be the case in Ulu Selangor, where we are having the present by-election. Sir, the question is whether a firm measure could be worked out by the Government whereby this defect could be overcome, so that everybody who is eligible to vote will find his name and address in the Register.

Tuan Yang di-Pertua: I think it is a different question.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa Election Commission bukan di-bawah Kerajaan. Kerajaan ta' ada berhak hendak memberi arahan kepada Election Commission. Election Commission ada-lah bebas dan kalau ada pandangan, boleh-lah di-kemukakan kepada Election Commission dan Election Commission boleh menimbang-hal ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah pihak yang berkenaan dengan pendaftaran pengundi² di-kampong² tahu bahawa sa-sungguh-nya banyak nama² pengundi² tidak di-daftarkan atau pun di-semak sa-mula oleh pembanchi² sa-masa memperbaharui pada tiap² tahun dan tidak membetulkan orang yang telah berpindah atau pun orang yang baharu datang di-satu² tempat itu supaya di-masokkan di-dalam buku pendaftaran atau pun di-potong dalam buku pendaftaran. boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan ini tentang tindakan² yang telah di-ambil oleh pihak yang berkenaan supaya kejadian² nama pengundi² itu biar memenohi di-dalam buku pendaftaran di-masa yang akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar sungutan yang samacham ini dan pihak Kerajaan telah memberitahu kepada Election Commission di-atas perkara ini, tetapi Election Commission biasa-nya sa-lepas mendaftar nama² pengundi, daftar itu di-bentangkan untuk di-semak oleh pengundi². Jadi terpulang-lah kepada pihak pengundi² dan juga parti siasah menyemak sama ada nama² pengundi² itu ada dalam daftar² baharu atau pun tidak dan kalau ta' ada boleh-lah di-beritahu kepada Election Commission.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah di-masa yang akan datang pihak parti siasah dapat satu salinan buku pendaftaran penyemakan, sa-bagaimana tahun ini kami tidak dapat. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tolong memberi jaminan sedikit dalam hal ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini di-bentangkan untuk pengetahuan umum, semua orang boleh dapat tengok. Bukan parti

PAS dan parti² yang lain sahaja bahkan semua orang boleh menengok-nya.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, will the Government consider introducing legislation to make it compulsory for those people who have reached the voting age to register? There should be a compulsory measure that they must register the moment they reach the voting age and that they must also vote during elections.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, that is a different question. Kerajaan tidak berchadang hendak menimbangkan perkara ini.

DOTA KA-BANGLADESH— CHADANGAN

2. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan bila Kerajaan berchadang hendak menghantar sa-orang Duta ka-Bangladesh dan sama ada beliau akan menimbangkan perlantikan ini dengan serious-nya supaya tidak melantek orang² yang terlampau tua bagi jawatan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang sedang mengambil langkah² yang perlu untuk menubuhkan satu perwakilan di-Bangladesh. Di-dalam pertimbangan perlantikan perwakilan ini sa-orang Pesuruhjaya Tinggi akan di-lantek dan Kerajaan seperti biasa akan melantek sa-orang yang di-fikirkan layak untuk memegang jawatan tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di-masa yang lalu ada beberapa orang yang bukan tidak layak, tetapi terlampau tua telah di-pilih sa-bagai Duta kita di-luar negeri, oleh sebab itu, saya ingin mendapat jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya orang yang di-pilih itu tidak-lah berapa lama lagi meninggal dunia. (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak ada lagi orang yang tua², semua Duta² kita boleh di-katakan orang² yang berumur sederhana belaka (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan supaya wakil kita yang akan mewakili Malaysia ka-Bangla Desh nanti

mesti-lah sa-orang yang bukan daripada Parti Perikatan.

Perdana Menteri: Ini hak Kerajaan. Kerajaan ada berhak melantek sa-siapa juga yang di-fikirkan layak.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we on this side of the House recognise that it is a right of the Minister of Foreign Affairs or the Prime Minister to appoint whom he pleases to be our representative in a foreign country—that we recognise. What we fail to understand and what is regrettable is that party hacks are being appointed and there are lots of examples. If the Prime Minister wants, I can name him a few party hacks.

The other question I wish to ask him is that would he consider a person who has passed three score and ten not being too old to represent us, particularly in a very arid country like Saudi Arabia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara kelayakan sa-saorang itu, kata orang puteh is a matter of opinion. Pada fikiran Kerajaan yang orang itu layak, barangkali umur-nya lebeh sedikit, Kerajaan terpaksa melantek-nya.

Berkenaan dengan wakil Duta Besar di-Saudi Arabia, sungguh pun umur-nya lebeh, tetapi badan-nya maseh tegap dan boleh menjalankan tugas dan di-fikirkan dia sangat sesuai menjalankan tugas di-negeri Saudi Arabia oleh sebab pengalaman²-nya dalam semua lapangan, khas-nya di-dalam lapangan ugama dan juga perhubungan-nya dengan pembesar² Islam.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Perdana Menteri sedar Duta kita di-Saudi Arabia, sa-telah negeri-nya Perlis, tidak mengakui beliau sa-bagai Menteri Besar di-sana, oleh sebab

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa dengar. Chuba terangkan sa-mula.

Dr Tan Chee Khoon: Saya tidak berapa faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang di-buat tadi, saya tidak berapa dengar.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Perdana Menteri sedar, Duta kita di-Saudi Arabia telah di-akuī oleh rakan²-nya di-negeri

Perlis sa-bagai sa-orang yang sudah tua untuk menjadi Menteri Besar di-negeri itu, oleh sebab itu bukan-kah beliau juga lebeh tua untuk menjadi Duta kita di-Saudi Arabia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soalan yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini ia-lah mengenai Duta kita ka-Bangladesh bukan di-Saudi Arabia.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I recognise the right of the Government to appoint anybody to be the Ambassador to represent the Government of Malaysia. But the appointments of old party faithfuls like Tun Lim Yew Hock to Australia, Tan Sri Ong Yoke Lin to America and Tan Sri Wong Pow Nee to Rome, have not done particularly great credit to the Government of Malaysia. The question, therefore, I would like to ask and which is directly related to Bangladesh is this: in view of the fact that Bangladesh, which we supported even before the Government came to recognise it, has now embarked on a programme to practically eliminate the minority group, the Biharis, the non-Bengalis, in Bangladesh, would the Government consider withholding the appointment of its Ambassador to Bangladesh until the Bangladesh Government has come to its sense and adopt a more enlightened, humanitarian, progressive policy?

Perdana Menteri: (*Dengan izin*) Sir, I resent the Honourable Member casting aspersions on our present Ambassadors abroad. I am not talking of the past. But unless Honourable Members have definite evidence of the incompetence of our representatives abroad, I think it is unfair to say anything in this House; and I would like to ask that such casting of aspersions be stopped so as to be fair to our representatives abroad who are doing a good job.

As regards Bangladesh, Sir, I think it is not fair also for us to interfere in the internal affairs of another country. As far as we are concerned, we will send our representative to Bangladesh when the time comes and as regards what the Bangladesh Government does internally, is a matter for the Bangladesh Government.

KONSEP PENGECHUALIAN ASIA TENGGARA

3. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan sa-hingga ini dari negara² besar terhadap konsep kita atas pengechualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sambutan daripada negara² besar seperti Perancis, Jerman Barat, United Kingdom dan juga Eropah Barat pada 'am-nya ada-lah menggalakkan. Pendirian Amerika Sharikat, Soviet Russia dan Republik Ra'ayat China, ia-itu negara² yang di-jangka mempunyai peranan khas di-atas di-dalam chadangan ini, belum lagi di-tinjau oleh kerana belum sampai masa-nya untuk kita berbuat demikian. Walau bagaimana pun, harus-lah di-perhatikan bahawa ketiga² negara tersebut tidak pula memberi sambutan rasmi yang tidak baik terhadap chadangan kita itu. Kita berpendapat ini ada-lah pertunjuk yang menggalakkan terhadap pelaksanaan chadangan neutralisation yang kita kemaskakan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah tindakan dan perjalanan kita supaya 3 negara besar ia-itu Amerika, Russia dan negeri China bersetuju dengan anjoran kita di-atas pengechualian Asia Tenggara, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menchadangkan untuk mengadakan lawatan ka-tiga² negara ini guna menerangkan dengan sa-chukop²-nya tentang anjoran kita ini untuk keselamatan di-rantau ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, langkah² yang kita ambil akan di-rundingkan dengan negara² lain di-Tenggara Asia dan langkah² itu akan di-tentukan bila sampai masa-nya kita hendak ambil langkah² itu.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, the question of neutralisation of South-East Asia has been an issue for quite some time without our having achieved any constructive result. I would like to ask the Honourable Prime Minister whether he intends to invite the world powers for a conference to be held in Kuala Lumpur to discuss this issue, so that we can have a constructive result on this issue.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan perkara yang

besar seperti ini tentu-lah kita tidak boleh dapat constructive result dengan serta-merta. Akan tetapi, progress sa-hingga hari ini adalah menggalakkan. Sokongan² daripada Lima Negara di-Tenggara Asia termasuk Laos dan juga Burma ini ada-lah menggalakkan dan kita harap akan dapat sokongan daripada negara² lain di-Tenggara Asia. Akan tetapi, mustahak-lah rundingan² dijalankan. Saya fikir tidak ada faedahnya hendak di-adakan meshuarat world conference di-sini, kerana pertama sa-kali perkara ini ia-lah bagi negara² Tenggara Asia. Jadi negara² ini-lah yang perlu mesti menerima dan mempersetujui chadangan ini, baharu-lah kita akan kemukakan kepada negara² lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagaimana soalan saya tadi, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berchadang atau pun akan bersedia untuk mengadakan lawatan ka-tiga² negara yang berkenaan dengan tujuan ini, jika tidak, kenapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jika mustahak dan bila sampai masa-nya, saya tiada keberatan hendak membuat lawatan ka-negara² itu.

KENYATAAN MENGHAPUSKAN AKTA HASUTAN—PENGARANG GUARDIAN

4. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sama ada beliau sedar akan suatu kenyataan yang di-tulis oleh Pengarang "Guardian", lidah rasmi M.C.A. yang menyatakan bahawa Akta Hasutan mencherminikan bahawa demokrasi di-Malaysia terbatas dan Akta itu patut di-hapuskan, jika ya, bila-kah Akta itu akan di-mansokhkan, dan jika tidak, mengapa-kah chadangan yang demikian terbit-nya dari anggota Perikatan sendiri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa pada 14hb Februari, 1972, Ketua Pengarang Penerbitan M.C.A. yang memakai nama "The Guardian" telah mengeluarkan kenyataan meminta Kerajaan menghapuskan Akta Hasutan apabila keadaan tidak berkehendakan-nya lagi. Dia juga telah merayu kepada Kerajaan menubuhkan satu

Jawatan-kuasa Penyiasatan (A Committee of Inquiry) untuk mengkaji dan membuat shor² kepada Kerajaan atas perkara ini.

Sungguh pun ada desakan daripada Ketua Pengarang "The Guardian" ini dan juga daripada pihak² yang lain untuk menghapuskan Akta Hasutan itu bahawa memandangkan kepada keadaan yang terjalin pada masa sekarang saya berpendapat masa-nya belum tiba lagi bagi Kerajaan membatalkan kehendak² Akta Hasutan itu.

Oleh kerana parti Perikatan ada-lah satu parti yang berchorak demokrasi maka tidak-lah di-larang anggota² yang bergabung dengan-nya menyuarakan satu² masaalah yang di-fikirkan patut di-suarakan oleh mereka. Sama ada shor mereka itu patut diterima atau tidak maka terpulang-lah kepada Kerajaan menimbangkan-nya.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, in view of the fact that a component party of the Alliance—in this case the M.C.A.—which is in fact a part of the Government, a part of the ruling party, has come out openly in opposition to the iniquities caused by the Sedition Act, would the Government therefore consider as soon as possible withdrawing and rescinding this Sedition Act? Now, the Government says "for the time being". The question which I would like to ask is, how long is "for the time being"? How long would this Act have to stay with us and terrorise this country?

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, since the name of the M.C.A. has been mentioned, I would like to make it clear that we in the M.C.A.—and I think that is the practice of the Alliance too—do give a lot of latitude, unlike the D.A.P., to our various agencies so that they can have some freedom of manoeuvre, but what I wish to make clear is that what is stated in the *Guardian* does not always necessarily represent the views of the M.C.A. as a whole. I should like to make a clarification on that.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, is not the *Guardian* an official organ of the M.C.A.?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member seems not to understand. The *Guardian* is the official organ of the M.C.A., but as I tried to inform him, we

in the M.C.A. give the contributors to the *Guardian* a certain amount of latitude and the views expressed therein do not always represent the views of the M.C.A. I hope I have made my point clear.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, does that mean that the President of the M.C.A. does not subscribe to this particular view as expressed in the *Guardian*?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, that is a different matter, but I had tried to make the position clear—that the views expressed in the *Guardian* are the views of the contributors themselves.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan bersetuju bahawa sa-sunggoh-nya kata² yang di-tulis oleh Pengarang "The Guardian" bahawa demokrasi di-Malaysia ada-lah terbatas.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak bersetuju.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Erti-nya ada-kah benar bahawa sa-sunggoh-nya mengikut keterangan yang di-beri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa sa-sunggoh-nya kenyataan Pengarang "The Guardian" bahawa demokrasi di-Malaysia itu ada-lah berlainan dengan pendapat Kerajaan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sa-kejap tadi.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri belum lagi menjawab soalan saya. Soalan-nya ia-lah bila dan berapa lama Sedition Act yang ada di-Malaysia boleh di-tarek balek?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan-nya sudah di-jawab, tetapi sa-bahagian sahaja yang tidak berjawab, bukan-lah sama sa-kali tidak berjawab.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, apabila masa mengizinkan, maka Kerajaan akan menimbangkan-nya.

KEGIATAN² KOMINIS—KERTAS PUTEH

5. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perkara² berikut berkaitan dengan Kertas Puteh yang di-keluarkan oleh Kerajaan tentang kegiatan² kominis di-Perak dan Sarawak:

- (a) sama ada kegiatan² ini hanya berupa kegiatan² Parti Kominis Malaya sahaja atau mereka ada kaitan dengan pertubuhan antarabangsa;
- (b) langkah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan dengan negara² jiran yang sama menentang kegiatan kominis seperti Indo-China, Singapura, Thailand dan Vietnam Selatan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenyataan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan Kertas Puteh ada-lah tidak berapa jelas. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada Kertas² Puteh yang bertajuk "Munchul-nya Semula Anchaman Kominis Bersenjata di-Malaysia Barat" yang telah di-keluarkan pada 1hb Oktober, 1971 dan "Anchaman Kominis Bersenjata di-Sarawak" bertarikh 6hb Februari, 1972. Seperti dinyatakan dalam Kertas² Puteh tersebut, Kegiatan Penganas Kominis di-Malaysia Barat ada-lah di-anjorkan oleh Parti Kominis Malaya dan di-Sarawak oleh Pertubuhan Kominis Sarawak. Tidak ada bukti menunjukkan bahawa kegiatan² mereka ada kaitan dengan Pertubuhan Antarabangsa.
- (b) Kerajaan Malaysia telah membuat perjanjian berasingan dengan Kerajaan Thai serta Indonesia untuk melancarkan operasi bersama bagi memburu dan menghapuskan Penganas² Kominis di-kawasan² sempadan. Memandang kepada polisi Parti Kominis Malaya yang menganggap Malaysia Barat dan Singapura sa-bagai satu daerah didalam perjuangan bersenjata-nya maka perhubungan yang erat telah di-adakan di-antara Singapura dan Malaysia untuk menchegeh dan mengawasi kegiatan² kominis itu.

Terhadap Indo-China pula sayugialah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa wilayah yang di-gelar Indo-China itu ada-lah mengandungi negara² yang sekarang terkenal sa-bagai:

- (i) Vietnam Utara.
- (ii) Vietnam Selatan.
- (iii) Laos.
- (iv) Khmer.

Vietnam Utara ada-lah sa-buah negara Kominis, mustahil-lah negara itu rela menerima langkah² yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan Malaysia tidak berchadang hendak mengambil apa² langkah saperti di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan negara² yang lain di-wilayah Indo-China itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kegiatan kominis sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kita telah menangkap dan telah mendapat senjata. Ada-kah dapat dikesan bahawa senjata² itu di-datangkan dari negeri mana atau pun senjata itu di-buat dalam negeri ini sendiri?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Saya berkehendakkan notis.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kominis telah munchol dalam negeri ini dengan menggunakan senjata maka senjata ini yang saya hendak tahu, minta Yang Berhormat Menteri memberitahu ada-kah senjata itu kita dapat dalam negeri ini atau pun senjata itu kita dapat daripada luar negeri?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis, kerana ma'alom-lah senjata² itu banyak. Hendak di-jawab serta-merta tidak boleh, mesti mendapat notis terlebih dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, dalam kegiatan kominis, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa suatu hari yang tertentu, pehak kader² kominis ini telah menaikkan bendera. Ada-kah menaikkan bendera ini menjadi satu kesalahan dan satakak mana hukoman yang kita kenakan kepada mereka yang menaikkan bendera² pada hari yang tertentu itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang itu ada-lah pekerjaan subversive dan sa-kira-nya di-dapati orang yang menaikkan bendera itu boleh di-tangkap dan boleh di-ambil tindakan di-bawah Internal Security Act.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan Kerajaan Malaysia dan Indonesia akan mengadakan operasi untuk menghapuskan kominis di-kedua² negeri. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan ada-kah beliau sedar, jika keadaan Social Ekonomi tidak sesuai di-mana² negeri, khas-nya di-Malaysia apa² tindakan yang telah di-ambil atau sedang di-ambil atau akan di-ambil oleh Kerajaan tidak boleh menghapuskan kominis di-tanah ayer kita.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan mengambil tindakan dalam segi Socio Ekonomi untuk menghapuskan supaya anchaman kominis ini tidak berjauh²an atau pun tidak berlanjutan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I would like to ask a separate supplementary question in addition to question (b), that is, the measures which this Government is taking in conjunction with these other neighbouring anti-Communist countries such as South Vietnam. Now, the question which I want to ask is this: whether the Government of Malaysia proposes to continue training South Vietnamese army and police personnel in the Jungle Warfare School in Johore and the Police Training Centre in Kuala Kubu Bharu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada-lah bersangkutan dengan soalan asal. It is in connection with question (b)—what measures, in other words, what areas of co-operation there are between our Government and neighbouring countries. And the question which I ask is: Does the co-operation extend to the training of army and police personnel, which there was in the past, and would that kind of co-operation continue in the future?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ia-lah berkaitan dengan soalan (a).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah pehak Kerajaan berchadang hendak pergi ka-Negeri China dan meminta pengakuan yang benar² daripada negeri China bahawa Kerajaan di-sana ada-lah menyokong Kerajaan Malaysia, bukan menyokong parti Kominis, kalau demikian, maka akan chepat-lah gerakan kominis ini di-hapuskan di-Malaysia?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu baharu betul soalan lain. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Dalam usaha Kerajaan hendak menghapuskan kegiatan kominis dalam negeri ini kita puji-lah. Di-antara satu chara bahawa Kerajaan sedang membuat seruan supaya Ketua² Pengganas Kominis Melayu itu menyerah diri. Jadi, seruan ini ada-kah di-sertai oleh Kerajaan dan sa-takat ini macham mana kemajuan-nya?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Sa-takat hari ini tidak ada ketua² kominis itu keluar menyerah diri.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Kelmarin saya ada membacha di-dalam sa-buah surat khabar ia-itu Kerajaan Thai ada menghantar sa-buah lori membawa senjata daripada negeri Laos ka-negeri Thai, tetapi pada masa sekarang banyak kereta² daripada negeri Thai masuk ka-Malaysia. Bagaimana-kah chara-nya kita memeriksa keselamatan kereta² yang masuk daripada negeri Thai ka-Malaysia?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, langkah² yang ketat sedang di-ambil dan sentiasa di-ambil.

LESEN² SENJATAPI—BILANGAN

6. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan lesen² senjapati (pistol) yang telah di-luluskan dan di-keluarkan dalam tahun 1971 di-Sarawak dan mengapa-kah sa-tengah² permohonan dari Ahli² Yang Berhormat Council Negeri Sarawak telah di-tolak sementara yang lain² telah di-luluskan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bilangan lesen² senjapati (pistol) yang telah di-lulus dan di-keluarkan dalam tahun 1971 di-Sarawak semua-nya berjumlah 24.

(b) 2 permohonan di-tolak.

Bukan-lah menjadi amalan Kementerian ini untuk memberitahu sebab permohonan² ini di-tolak demi menjaga kepentingan keselamatan awam dan menjaga maruah orang² yang berkenaan.

Tuan Edwin anak Tangkun: (*Dengan izin*) Will the Honourable Deputy Minister of Home Affairs give an assurance that unnecessary delays in respect of applications by Honourable M.P.s and Council Negri Members would not happen in future?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Soal sa-kali lagi.

Tuan Edwin anak Tangkun: Will the Deputy Minister of Home Affairs give an assurance that unnecessary delays in respect of applications by Honourable Members of this House and Council Negri would not happen in future?

Tuan Yang di-Pertua: Unnecessary apa? Saya tidak beberapa dengar.

Tuan Edwin anak Tangkun: Unnecessary delays in respect of applications by Honourable M.P.s and Council Negri Members should not happen in future.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Sa-tahu saya, ta' ada unnecessary delay.

Tuan Edwin anak Tangkun: I can mention one case where an application for a pistol submitted by the Honourable *Tuan Lee Kok Beng*, Council Negri Member had been rejected without any reason and he is now appealing to higher authorities.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kalau Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kepada saya, saya akan menengokan-nya.

BATEK BUMIPUTRA—MENGANCHAM PERUSAHAAN

7. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah beliau sedar yang penubuhan sa-buah sharikat batek di-Kuala Lumpur saperti

yang di-umumkan oleh Menteri Kewangan baru² ini telah mengancham perusahaan batek Bumiputra, dan jika ya, apa-kah langkah² perlindungan yang telah di-ambil oleh Kementerian ini untuk melindungi perusahaan batek Bumiputra ini khusus-nya yang di-Pantai Timor.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dengan menyedari akan keupayaan besar batek, telah membuat keputusan beberapa tahun yang lalu untuk menggalakkan pengeluaran-nya. Akan tetapi telah di-tegaskan, khusus-nya oleh pengeluar kechil, bahawa jika mereka mengeluarkan terlalu banyak kain ini tidak ada jaminan yang pengeluaran mereka itu boleh di-jual. Oleh itu dengan tujuan memberi keyakinan kepada semua pengeluar bahawa pengeluaran mereka akan mendapat pasaran, Kerajaan telah membuat keputusan untuk berjanji walau pun dengan kemungkinan menghadapi kerugian untuk membeli semua kain batek yang di-keluarkan itu selagi harga dan mutu-nya baik. Jadi, sharikat ini, jauh dari mengancham perusahaan batek Melayu, sepatut-nya menggalakkan perusahaan batek Melayu supaya berusaha mengeluarkan lebih banyak batek lagi, kerana apa yang mereka keluarkan tentu akan di-beli oleh Kerajaan. MARA telah juga menubuhkan sa-buah perbadanan pemasaran batek untuk menolong mencari pasaran yang lebih besar untuk pembatek Melayu. Perbadanan itu membeli batek yang di-buat oleh pembatek² di-Pantai Timor Malaysia Barat dan mengeksport-nya ka-luar negeri.

Saya mengaku bahawa apa yang tidak baik tentang amalan ini ia-lah bahawa Kerajaan tidak dapat membeli chukup kain batek kerana pengeluaran kurang dari permintaan, khusus-nya permintaan dari luar negeri. Sa-sungguh-nya, kami tidak dapat memenohi pesanan dari luar negeri yang telah kami terima itu.

Kedua² sharikat dan perbadanan yang tersebut itu telah di-beri "quota" untuk mengeksport batek ka-Amerika Sharikat dan salah satu syarat² untuk mendapat "quota" ini ia-lah keutamaan mesti-lah di-beri kepada kain batek yang di-buat oleh pembatek² Melayu di-Pantai Timor Malaysia Barat. Dengan tertuboh-nya dua buah perbadanan ini, pengeksportan batek boleh di-luaskan lagi, dan pembatek² Melayu, khusus-nya di-Pantai Timor boleh mendapat pasaran yang

lebih besar untuk pengeluaran-nya. Oleh itu jelas-lah bahawa masa'alah utama ia-lah mengeluarkan chukup kain batek untuk memenohi permintaan. Ini-lah satu masa'alah yang hanya boleh di-selesaikan oleh pembatek² itu sendiri.

LADANG² PERINDUSTRIAN DI-BATANG PADANG

8. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) mana-kah kawasan² dalam daerah Batang Padang, Perak, yang telah diperuntukkan bagi kemajuan perusahaan; dan
- (b) bila-kah ranchangan² itu akan di-laksanakan.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Perak baharu² ini telah mengumumkan satu chadangan untuk mendirikan beberapa ladang² perindustrian di-beberapa tempat di-negeri itu. Satu kajian yang di-buat baharu² ini oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan di-daerah Batang Padang menunjukkan ada chukop permintaan, pada masa ini dan yang di-jangka, untuk mengizinkan pembangunan suatu ladang perindustrian yang kechil dalam kawasan tersebut. Laporan kajian ini telah di-kemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk timbangan dan keputusan-nya. Soal bila ladang perindustrian itu akan di-dirikan ia-lah suatu perkara yang akan di-putuskan oleh Kerajaan Negeri Perak. Kementerian saya bersedia untuk memberi apa² bantuan yang di-kehendaki dalam hal ini.

KENAIKAN HARGA GULA— SEBAB²

9. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab² kenaikan harga gula hingga 45 sen sa-kati ia-itu dua kali ganda dari chukai jualan 5%.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa² yang saya hendak tambah kepada kenyataan² yang telah di-buat tentang perkara ini oleh pegawai² dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya sendiri baik di-dalam atau di-luar Dewan ini.

Tuan Chan Fu King: (Dengan izin) Is it true that the price of sugar in our country is

higher than that of our neighbouring countries like Singapore and Thailand?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) In previous statements all of us, both officials of the Ministry of Trade and Industry and I, have explained why there is this differential in prices and I have got nothing further to add.

DASAR PENINGKATAN GAJI

10. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau akan menimbang untuk mengemukakan satu dasar peningkatan gaji untuk membolehkan pekerja² hidup dalam kesenangan yang sederhana.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui, salah satu objektive Rancangan Malaysia Kedua ia-lah untuk meningkatkan taraf hidup semua ra'ayat termasuk pekerja² di-negeri ini. Berbagai² rancangan pembangunan yang di-laksanakan oleh Kerajaan ada-lah bertujuan untuk mencapai matlamat ini dan dengan ini meningkatkan pendapatan "per capita" ra'ayat di-negeri ini. Selanjut-nya, memandangkan keadaan penganggoran sekarang ini, segala langkah yang mungkin ada-lah sedang di-ambil untuk mengadakan lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi orang yang tidak mempunyai pekerjaan sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan. Ada-lah juga perlu di-ingatkan bahawa sebahagian besar daripada ra'ayat ada-lah bekerja sendiri dan bekerja di-bawah berbagai² bentuk kontrak perkhidmatan seperti penanam² padi dan nelayan². Memandangkan keadaan ini ada-lah di-fikirkan maseh belum tiba masa-nya bagi pembangunan negara ini untuk mengadakan Undang² tentang gaji dasar hidup minima bagi pekerja².

Walau bagaimana pun, jika terdapat gaji rendah di-bayar di-dalam perusahaan² tertentu lebih² lagi di-mana pekerja²-nya tidak mempunyai kesatuan, Majlis Gaji telah pun di-bentuk bagi meliputi urusan² itu dan kadar gaji minima serta keadaan² perkhidmatan ada-lah di-tetapkan oleh Undang².

Pada masa ini terdapat empat Perintah Peratoran Gaji yang sedang di-kuatkuasakan dan ini ia-lah:

- (i) Perintah Peratoran Gaji (Pembantu² Kedai), 1970 yang memberi faedah kepada lebih kurang 140,000 orang pekerja² di-26 buah bandar² besar di-Malaysia Barat.
- (ii) Perintah Peratoran Gaji (Penginapan dan Hotel) 1970 yang memberi faedah kepada lebih kurang 20,000 orang pekerja² di-dalam 9 buah bandar² besar di-Malaysia Barat.
- (iii) Perintah Peratoran Gaji (Pekerja² Wayang Gambar) 1970 yang memberi faedah kepada 8,000 orang pekerja² di-seluruh Malaysia Barat.
- (iv) Perintah Peratoran Gaji (Pemungga² Kapal dan Pengendali²-muatan Pelabuhan P. Pinang), 1970 yang memberi faedah kepada lebih kurang 4,500 pekerja².

Masaalah untuk mengadakan lebih banyak lagi Majlis² Gaji untuk meliputi lain² jenis kerja ada-lah senantiasa di-kaji dan sa-telah di-kaji dengan teliti jika di-dapati perlu untuk mengadakan lebih banyak lagi Majlis² seperti itu maka ia akan di-lakukan.

Perlu juga di-nyatakan bahawa di-dalam ucapan saya di-Dewan ini dahulu dalam masa persidangan ini, saya menyebutkan tentang pembentokan Unit penyelidikan gaji di-dalam Kementerian saya. Unit ini baru sahaja di-tubuhkan dan salah satu dari tugas-nya ia-lah memungut data² mengenai gaji yang di-bayar kepada pekerja² di-dalam sektor swasta. Oleh itu ini ada-lah satu lagi langkah positif yang Kerajaan sedang menjalankan bagi memungut lebih banyak lagi maklumat² mengenai perkara ini yang merupakan bantuan yang besar bagi Kerajaan dalam kerja²-nya mengekalkan kajian tentang bentuk gaji di-dalam sektor swasta.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Buroh telah menyatakan di-empat bahagian ada gaji minima untuk pekerja² di-sektor swasta. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan ada-kah beliau sedar apa yang di-kehendaki oleh pekerja², bukan gaji minima, oleh sebab gaji minima sentiasa menjadi gaji maksima untuk pekerja² tersebut. Boleh-kah Menteri

yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini ada-kah tangga-gaji bagi pekerja² yang sekarang menerima gaji minima.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kadang² gaji yang minima yang kita tetapkan jadi gaji yang di-beri kepada pekerja². Oleh sebab itu juga kita pun sudah tidak berapa suka hendak tetapkan gaji yang minima di-seluruh negara. Jikalau trade union boleh dapat lebeh daripada collective bargaining, itu yang lebeh baik dan lebeh elok kalau boleh dapat begitu.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we have always found the confusion created by the Ministry by drawing close relationship between the Wages Council and a living wage. Sir, we must draw clear distinction between these two. We are asking for a living wage. The Government must offer valid reasons why, in the first place, it cannot introduce legislation to see that a living wage is granted to the workers. In my interpretation, the living wage is a wage that is accepted by the International Labour Organisation where an individual worker can live in frugal comfort with his family in a civilised community. If the Government is not prepared to introduce a law for a living wage, then how can you justify the declaration of the Government to bridge the gap between the "haves" and the "have-nots"?

Tan Sri V. Manickavasagam: (*Dengan izin*) What is the question?

Tuan Yang di-Pertua: I don't know, too.

Tuan V. David: If the Government is not prepared to introduce a living wage, then how can the Government justify its declaration to bridge the gap between the "haves" and the "have-nots"?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, I have stated at length that one of the objectives of the Second Malaysia Plan is to improve the living standard of all citizens of this country, including workers, and the various development plans implemented by the Government are all designed towards the achievement of this goal thereby raising the per capita income of the people of this country. Sir, I also said about the unemployment position in this country and also mentioned that there are large numbers of self-employed people

who are working in padi fields and as fishermen. Sir, the Government has to take these people into consideration and where we find that workers do not have proper means of trade unionism and collective bargaining, the Government sets up Wages Councils.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Buroh menyatakan Kerajaan sentiasa hendak meninggikan taraf kehidupan ra'ayat di-seluruh Malaysia dan beliau telah pun sentoh berkenaan per capita income di-tanah ayer kita. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar per capita income itu sa-banyak \$1,000 lebeh tidak kena mengena dengan keadaan di-kampung masing² di-seluruh Malaysia seperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Beliau menyatakan nelayan² di-Besut bukan kais pagi, makan pagi; kais petang makan petang, tetapi kais pagi dan kais petang makan malam sahaja. Ma'ana-nya nelayan² di-kawasan beliau walau pun mereka bekerja sa-panjang hari, chuma mendapat sa-kali makan sahaja. Saya hendak bertanya kepada Menteri Buroh oleh sebab Parti Perikatan telah memerintah hampir 15 tahun, apa langkah² Kerajaan akan ambil

Tan Sri Syed Ja'afar Albar Al-Haj: Ahli Yang Berhormat itu memberi lecture-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya wakil dari Johor Tenggara hendak buat kachau sahaja. (*Ketawa*).

Saya bertanya apa langkah² yang Menteri Buroh akan ambil untuk meninggikan taraf kehidupan ra'ayat di-kampung masing² yang tidak ada kesatuan sa-kerja untuk menyuarakan kehendak² mereka di-Dewan ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu sebab dia sendiri telah menjawab soalan-nya. Bukan sahaja soalan-nya sendiri, dia menjawab soalan Ahli Yang Berhormat di-sabelah-nya juga. Seperti mana saya katakan tadi kita pun sedar keadaan di-kawasan² yang ada perbedaan. Dengan sebab itu juga Kerajaan ada-lah bertanggung-jawab hendak menjaga semua ra'ayat, bukan sahaja organised workers tetapi semua ra'ayat. Dengan sebab itu juga, saya katakan di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini semua kita adakan.

Tuan V. David: Sir, is it right to assume that the reason given by the Government for not introducing a living wage is because of large-scale unemployment; in other words, is the Government trying to tell this House indirectly that we are encouraging exploitation because there is large-scale unemployment in this country?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan V. David: Sir, I just want to know from the Minister valid reasons why a living wage law cannot be introduced? After so many years of independence, why these workers cannot have a basic living wage by law?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, I have made it very clear that the Government has not only to look into the interests of the organised workers but we have to look after the farmers, the fishermen and all those as mentioned by the Honourable Member for Batu. Sir, the Honourable Member for Batu has answered the question already and I should thank him. So we have differences. We are trying to do everything possible to raise the living standards of all peoples irrespective of whether they are in padi fields or organised in factories or on estates or in mines.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab nama saya di-sebut oleh Menteri Buroh, saya hendak bertanya kepada

Tuan Yang di-Pertua: Dia sebut nama Ahli Yang Berhormat sahaja.

Dr Tan Chee Khoo: Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan ada-kah di-antara sebab²-nya Kerajaan tidak mahu membawa Rang Undang² untuk mengadakan basic living wage di-antara sebab-nya Kerajaan sentiasa hendak mem-bela nasib kaum majikan atau kaum kapitalis dan tidak mahu membela nasib pekerja² di-seluruh Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak betul.

Tuan V. David: Sir, the law on living wage, if it is introduced by the Government, is not only applicable to union members; it

will also be applicable to non-union members, including rural workers. So will the Government consider having a legislation that will cover the entire working lot of this country?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, we want to raise the living standard of these rural workers before we can give them the minimum wage. This is what we are trying to do. I think the Honourable Member for Batu again, if he will excuse me for quoting him, said that the minimum wage sometimes can become the maximum too. There is also the danger.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyentuh mengenai Kerajaan Pusat yang telah memerintah sa-lama 15 tahun. Berapa tahun lagi Menteri Buroh akan mengambil masa untuk meninggikan taraf kehidupan ra'ayat khas-nya kaum buroh di-tanah ayer kita.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, well, if the Second Malaysia Plan works well, and the future plans, we hope we could achieve this soon.

Tuan V. David: One of the objectives of the Second Malaysia Plan is to improve the living conditions of the workers and how, this law, if introduced, can affect the workers? We are asking for a legislation to protect all the workers irrespective of whether they are members of the unions or not members of the unions. Will the Government consider, as part of the Second Malaysia Plan, to introduce such a legislation?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, I have already answered that we have to see that we raise the standard of all people before we can bring such a legislation.

Tuan Lim Kit Siang: (Dengan izin) Sir, can the Honourable Minister give this House, after having been a Minister of Labour for several years, figures in terms of how many hundreds of thousands of workers in this country are not getting a basic living wage; and if the Ministry has not got those figures, whether there will be a survey conducted to find out how many workers, or percentage of the total work force, are below the living wage level?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, I just said that we have set up a Research Unit in my Ministry and we will be collecting all this data, which will be helpful in formulating what the Honourable Member has just asked for.

Tuan V. David: Is it right for me to assume that so far your Ministry did not have any data at all to find out what were the wages paid in several industries? That means the Government admits that there is no living wage in the factories and the workers have been exploited.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, that is not true. That is the assumption of the Honourable Member.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tadi Menteri Buroh mengatakan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua insha' Allah kehidupan ra'ayat atau pekerja² akan ditinggikan. Yang saya hendak tahu daripada Menteri Buroh ia-lah ada-kah beliau sedar tujuan² atau target² dalam ranchangan ini untuk menghapuskan penganggoran tidak boleh di-chapai di-dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang sudah menjadi target di-dalam Malaysia Plan ia-itu untuk memberikan pekerjaan², kita percaya kita boleh menchapai kejayaan itu.

Tuan V. David: Is the Minister aware that the Wages Councils set up especially for the port workers and for the cinema workers have brought about a lot of resentment among the workers because they are the lowest paid compared to other workers in other industries. Will the Minister take appropriate action in this direction?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, nobody is satisfied in this world. The Wages Councils are constituted with persons representing trade unions appointed by members of trade unions, independent members and employers, and they recommend what should be the amounts.

Tuan V. David: But the Chairman is not appointed by the trade unions. Will the Minister consider that the Chairman be appointed by the trade unions?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, thank God, we have not come to that stage yet. (Ketawa)

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pekerja² kilang yang bergaji murah ini kebanyakan-nya terdiri daripada kaum wanita, dan kebanyakan daripada kaum wanita itu terdiri daripada kaum bumiputra. Ada-kah Menteri Buroh telah pergi menyiasat keadaan gaji buroh² wanita itu bersama² dengan Pegawai Kebajikan Buroh terdiri daripada sa-orang wanita?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di-dalam sa-tengah² kilang, gaji² yang di-bayar kepada kaum wanita ada-lah sangat kurang. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu kilang² yang berkenaan, kita boleh siasat.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali berchakap dalam Parlimen ini mengenai gaji murah yang di-bayar kepada kaum wanita. Oleh sebab itu tidak-lah hairan bahawa Ahli dari Bukit Bintang telah mengemukakan dalam Parlimen ini ada di-antara buroh² wanita itu yang telah hamil. Perbuatan ini tidak menghairankan kerana tidak menchukupi nafkah hidup-nya (Ketawa). Untuk mengetahui hal ini, saya harap Pegawai Buroh boleh berjumpa dengan saya dan saya akan bawa ka-kilang² dalam bandar Ipoh dan Tasek di-mana kaum wanita di-bayar gaji murah \$1.00-\$1.50 sa-hari.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa soalan-nya?

Tuan Hashim bin Gera: Soalan-nya, kalau dia hendak melawat dan ta' berpuas hati, sila jemput saya, saya boleh bawa beliau.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, dia sebut nama Ahli dari Bukit Bintang atau hendak di-tambah lagi apa yang di-katakan Ahli dari Bukit Bintang, itu soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Menteri Buroh tadi bahawa tujuan Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah untuk meninggikan taraf kehidupan kaum buroh dan ra'ayat seluruh-nya, saya ingin mendapat tahu mengapa di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua saperti membuka tanah dan sa-bagai-nya maseh di-galakkan dengan memberikan kepada konterektor² dan di-beri gaji serupa sa-belum ada-nya Ranchangan Malaysia Kedua.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Itu terpulang kepada keadaan tempat masing². Jika ada kontrek kerja di-mana² tempat, itu soal lain. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh beritahu, kita boleh siasat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Buroh sedar bahawa sa-lain daripada gaji rendah, pekerja² di-seluruh Malaysia tidak di-beri kemudahan² seperti chuti tahunan, overtime, kemudahan perubatan dan sa-bagai-nya. Boleh-kah Menteri yang berkenaan mengambil tindakan supaya majikan² memberikan kemudahan² yang di-sebutkan oleh saya kepada pekerja²-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Itu ada kena-mengena dengan basic living wages (gaji hidup).

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya sedar, ada juga majikan atau tempat² yang mana majikan-nya tidak memberikan faedah² yang patut di-beri, tetapi kita ada membawa orang² yang berkenaan itu ka-mahkamah atau pun mengambil tindakan yang betul. Jika Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini boleh menolong memberitahu di-mana tempat² kejadian itu, saya pun menguchapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 11 hingga 47 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

GAJI RENDAH DI-PERUSAHAAN— BAYARAN

11. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau sedar bahawa banyak perusahaan² dalam negara ini membayar gaji rendah sa-banyak \$1 dan \$1.50 sa-hari dan mereka juga mengelakkan bayaran² faedah² yang lain kepada pekerja² ia-itu faedah² sa-bagaimana yang termaktub dalam Undang² Buroh, dan jika ya, apa-kah tindakan yang beliau telah ambil ka-atas majikan² yang sedemikian.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya menyedari bahawa dalam kilang² tertentu, sa-tengah pekerja² di-bayar gaji yang rendah.

Pekerja² ini selalu-nya merupakan pekerja² baharu dan di-gaji sa-bagai pekerja² tidak terlateh. Walau bagaimana pun mereka di-berikan peluang untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran untuk memperolehi tambahan gaji apabila daya keluaran dan kecekapan mereka bertambah. Dalam keadaan demikian, majikan ini kebanyakannya merupakan pengusaha² yang baharu dan belum begitu maju lagi.

Saya membuat perhatian yang rapi mengenai keadaan gaji dalam kilang² dan jika perlu, saya akan menubuhkan satu Surohanjaya Penyiasat di-bawah Ordinan Majlis Gaji untuk membuat chadangan² yang sesuai mengenai gaji.

Mengenai Undang² Buroh, majikan ini mematohi-nya kerana pegawai² di-Kementerian saya selalu membuat desakan. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat mengetahui sebarang kes di-mana majikan tidak mematohi-nya, sila-lah beritahu kepada saya.

DI-KUBANG PASU SAWAH² PADI—PENGAYERAN

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan :

(a) ada-kah beliau sedar ia-itu dalam tahun 1970 petani² dari daerah Megat Dewa, Kubang Pasu telah bergotong royong membena sa-buah tandup sementara untuk mengayerkan sawah² padi mereka yang meliputi hampir² 400 relong dan jika ya, mengapa-kah sa-buah tandup tidak di-bena di-LBLBD² untuk kemudahan petani² itu; dan

(b) ada-kah Jabatan Parit dan Taliayer akan membena tandup tersebut, dan jika ya, bila.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Haji Jawi): Benar, saya memang sedar bahawa sa-buah empang sementara telah di-bena oleh petani² di-Taliayer Ageh LBLBD² ia-itu saliran di-tebing Kiri Lana Bulu untuk mengayerkan beberapa kawasan sawah yang terletak di-tanah tinggi dalam daerah ini. Ini ada-lah satu chontoh menolong diri-sendiri yang baik oleh petani² dan ada-lah sangat di-hargai. Walau bagaimana pun, Ahli Yang Berhormat harus-lah sedar bahawa Rancangan Muda ada-lah satu rancangan yang baharu dan

meliputi kawasan yang amat luas—260,000 ekar, dan ada beberapa kawasan yang juga mengalami keadaan yang sama, malah menghadapi masalah² yang lebih buruk lagi. Bahagian Parit dan Taliayer Kementerian saya sedang menyelidiki masalah² ini dan menchari lain² huraian terhadap tiap² masalah sa-belum di-laksanakan, dengan tujuan menghadkan perbelanjaan sa-takat minima. Sa-kira-nya pembenaan sa-buah empang di-dapati chara yang paling baik bagi mengatasi masalah itu, Bahagian Parit dan Taliayer akan membena empang tersebut sa-lewat²-nya dalam tahun 1973. Buat sementara ini, “empang sementara” tersebut akan terus di-gunakan oleh petani² dalam kawasan itu.

PENJAJA² MELAYU DI-JALAN PEKELILING KUALA LUMPUR

13. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sebab² mengapa dua orang penjaja Melayu, Saad bin Haji Ahmad dan Che' Patimah binti Mustapha, di-Blok G Rumah Pangsa Jalan Pekeliling di-tindas dan di-halau oleh pehak Bandaraya, walhal peniaga² yang tidak berlesen di-Blok L, G, J dan H di-biarkan berniaga; dan
- (b) sama ada Dato' Bandar Kuala Lumpur menggalakkan bumiputra berniaga mengikut dasar Kerajaan Perikatan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):

- (a) Dua orang penjaja ia-itu Enche' Saad bin Haji Ahmad dan Che' Patimah binti Mustapha, telah membuka sa-buah gerai di-hadapan Blok G Rumah Pangsa Jalan Pekeliling dengan tidak mendapat kebenaran dan lesen. Kedua mereka telah di-beri notis kompaun bersama² dengan 3 orang penjaja lain yang tidak mempunyai lesen juga. Semua penjaja² lain di-sekitar kawasan ini ada-lah di-lesenkan kechuali peniaga² bumiputra di-Blok L di-mana mereka itu di-tempatkan untuk sementara waktu.

Tindakan terhadap mereka harus di-ambil kerana Dewan Bandaraya juga harus melindungi kepentingan 40 orang penjaja, 20 di-antara-nya bumi-

putra, yang membayar sewa gerai dan lesen yang sedia ada di-situ, menjual anika jenis makanan dan minuman di-40 buah gerai yang di-bena di-Blok G ini. Aduan juga telah di-terima dari penjaja yang berkenaan tentang penjaja² tanpa lesen ini.

- (b) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah sentiasa menggalakkan bumiputra berniaga mengikut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dalam masa 2 tahun ini sa-banyak 191 buah gerai telah di-bena di-10 buah tempat di-atas tanah simpanan jalan dan juga tanah lapang yang di-selenggarakan oleh Dewan Bandaraya. Dari jumlah ini sa-banyak 155 ada-lah di-untukkan kepada peniaga² kechil bumiputra. 69 tempat berjaja telah di-adakan dan ketika ini 3,203 buah tapak penjaja maseh kosong. Tidak ada penyekatan terhadap mana² pehak pun untuk mendapatkan lesen perniagaan jika pemohon² telah memenohi syarat² yang di-kehendaki bagi tempat yang di-khaskan.

MINYAK DAN BIJEH TIMAH—MENCHARIGALI

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama mengetahui:

- (a) Kemajuan yang telah di-chapai setakat ini di-dalam usaha mencharigali minyak dan bijeh timah di-dasar laut; dan
- (b) Bila-kah projek sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam Akta Pelantar Benua akan di-mulakan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Berkenaan dengan mencharigali minyak di-dasar laut, pada masa sekarang ini usaha menyiasat dan mencharigali minyak di-dasar laut dan juga di-kawasan di-Pelantar Benua Malaysia ada-lah di-jalankan dengan hebat-nya. Kesemua-nya sembilan sharikat minyak (3 di-Malaysia Barat dan 6 di-Malaysia Timor) menjalankan penyiasatan yang di-benarkan di-bawah lesen penyiasatan atau Surat Perjanjian Minyak. Sa-hingga penghujung tahun 1971, sa-jumlah lebih daripada \$200 juta telah di-belanjakan oleh sharikat²

tersebut bagi menjalankan penyiasatan, dan bagi tahun 1972 pula, sharikat² berhadang membelanjai lebih kurang \$100 juta untuk menerusi penyiasatan tersebut. Sharikat Sarawak Shell adalah sharikat tunggal yang mengeluarkan minyak di-Malaysia pada masa ini. Bagi tahun 1971, pengeluaran-nya mengikut hitong panjang ada-lah 68,687 tong U.S. sa-hari tetapi pengeluaran mengikut hitong panjang bagi bulan Disember, 1971, ada-lah 93,029 tong U.S. sa-hari. Boleh di-katakan kesemua jumlah pengeluaran sa-banyak 25,070,892 tong U.S. bagi tahun 1971 di-dapati daripada kawasan dasar laut bertentangan dengan Miri. Berkenaan dengan mencharigali Timah pula di-dasar laut, perjanjian mencharigali dan melombong bijih timah untuk membolehkan PERNAS menjalankan pekerjaan mencharigali dan melombong bijih timah di-kawasan dasar laut bertentangan dengan negeri² Pulau Pinang, Perak dan Selangor dan juga di-kawasan Pelantar Benua telah pun di-sediakan dan Kerajaan² Negeri yang berkenaan itu sedang mengkaji perjanjian tersebut dan keputusan di-atas permohonan daripada PERNAS itu di-jangka akan dapat di-chapai tidak berapa lama lagi.

- (b) Akta Pelantar Benua 1966 ada-lah Akta pembolehan di-dalam mana ada membekalkan kuasa untuk mencharigali dan melombong di-kawasan pelantar benua yang berdekatan dengan Malaysia. Tidak ada projek² yang tertentu yang di-nyatakan di-dalam Akta tersebut. Walau bagaimana pun Perjanjian² untuk menyiasat, mencharigali dan mengeluarkan minyak di-kawasan pelantar benua telah pun di-persetujui dan di-tanda-tangani oleh Kerajaan dengan dua sharikat minyak pada awal-nya dalam tahun 1968 dan banyak lagi yang di-keluarkan sa-lepas itu.

PENYU³ DI-PANTAI TIMOR— MENAREK PELANCHONG²

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyata-

- (a) langkah² yang sedang di-ambil supaya pendaratan penyu² di-Pantai Timor

Malaysia Barat di-kekalkan dan dengan demikian menjadikan ini projek utama sa-dunia di-dalam pemeliharaan hidupan² liar;

- (b) mengapa-kah bilangan penyu kian berkurangan; dan
(c) langkah² yang di-ambil untuk membiakkan penyu².

Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) Jabatan Perikanan, Trengganu bertujuan hendak mengekalkan pendaratan² penyu di-Pantai Timor dan ranchangan yang di-jalankan ia-lah—
(i) menanda penyu untuk mengetahui gerakan binatang itu;
(ii) memberi penerangan kepada pelanchong² tentang langkah² yang patut di-ambil semasa melihat penyu bertelor;
(iii) mengadakan tempat² semaian bagi menetas anak² penyu.
(b) Bilangan penyu yang mendarat di-Pantai Timor Malaysia Barat itu memang kian berkurangan. Sa-belum tahun 1961, tiada ranchangan pemeliharaan di-jalankan; mungkin ini ada-lah satu daripada sebab²-nya.
(c) Di-dalam ranchangan membiakkan penyu yang di-jalankan semenjak tahun 1961, hingga tahun 1971 sa-banyak 247,531 telur penyu telah di-semai dan daripada-nya sa-banyak 133,884 telah menetas. Anak² penyu yang menetas itu telah di-lepaskan balek ka-dalam laut. Ranchangan ini ada-lah di-harapkan akan menjamin pembiakan penyu di-lautan dan bilangan penyu yang mendarat di-Pantai Timor akan bertambah.

PENGELUARAN BERAS— MENGALAKKAN PETANI²

16. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau sedar yang beras ada-lah men-chukopi di-Malaysia Barat, dan jika ya, sama ada beliau akan menggalakkan petani² menanam tanaman² lain yang akan mendatangkan pendapatan yang lebih.

Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Haji Jawi: Malaysia Barat telah menchapai pengeluaran sa-banyak 88% beras bagi

kegunaan-nya sendiri pada tahun 1971 dan ada-lah di-jangkakan pengeluaran beras yang menchukopi kegunaan sendiri akan diperolehi dalam tahun 1972 atau 1973. Kementerian saya samemang ada dasar bagi menggalakkan petani² menanam tanaman² yang boleh mendatangkan pendapatan yang lebeh. Langkah² sedang di-ambil menggalakkan penanam² padi di-kawasan yang tidak bagitu subur untuk tanaman padi dua musim menanam tanaman lain saperti tembakau, kacang dan lain² di-musim luar menanam padi. Saya telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan sama ada jagong dan sekoi boleh di-tanam atas tanah bendang yang tidak subur.

MEMBAGI KEUNTONGAN DENGAN PEKERJA²—KEUNTONGAN

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau akan menimbang membuat suatu undang² memperuntukkan supaya majikan² membahagikan keuntongan dengan pekerja² mereka dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Memandangkan bahawa Malaysia sa-bagai sa-buah negara demokratik yang mengamalkan sistem Kerajaan berparlimen dan dasar ekonomi bebas di-fikirkan ada-lah tidak perlu untuk mewajibkan pehak² majikan berkongsi dengan pekerja-nya atas sa-tiap keuntongan yang di-perolehi-nya menerusi undang². Tujuan yang sama mungkin akan di-chapai melalui peroses perundingan bersama di-antara kesatuan sekerja dan majikan dan sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri menyedari bahawa banyak persetujuan bersama yang di-chapai antara kesatuan sekerja dengan pehak majikan mengandongi perkara² saperti bonus dan sa-bagai-nya yang mempunyai hubungan dengan keuntongan.

CHUKAI JALAN—KECHUALIAN KENDERAAN² POLIS DAN TENTERA

18. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) mengapa kenderaan² Polis dan Tentera di-kechualikan dari chukai jalan dan tidak di-lindongi dengan polisi² insuran; dan
- (b) sama ada beliau akan menimbang mengenakan chukai jalan dan polisi² insuran kepada semua kenderaan² Kerajaan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

- (a) Menurut peratoran² di-bawah Undang² Lalu Lintas Jalan, 1958 kenderaan² Polis dan Tentera adalah di-kechualikan daripada bayaran chukai jalan dan daripada di-lindongi oleh polisi² insuran kerana kenderaan² ini ada-lah kepunyaan Kerajaan.
- (b) Tidak.

UNIVERSITI² DI-MALAYSIA—BANTUAN

19. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada bilangan universiti² yang ada di-Malaysia sekarang ini dapat melayani keperluan ra'ayat; dan
- (b) jenis bantuan yang di-beri oleh Kerajaan kepada penuntut² universiti dengan menyatakan jumlah bantuan yang di-beri kepada penuntut² Melayu, China, India dan lain².

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):

- (a) Buat masa ini, ya.
- (b) Kerajaan Pusat mengadakan 2 jenis bantuan kepada penuntut² Universiti—Dermasiswa Penoh dan Dermasiswa. Kerajaan² Negeri juga mengeluarkan bantuan berupa tajaan atau 'sponsorship', di-samping mengadakan Dermasiswa Penoh dan Dermasiswa. Mengenai jumlah bantuan yang di-beri oleh Kerajaan Pusat kepada penuntut² di-Universiti dalam negeri ia-lah saperti berikut dengan tidak membezakan kaum:

A. BIASISWA

Bagi kursus² Sastera, Ekonomi dan Pentadbiran, Sains, Kejuruteraan, Pertanian ia-lah antara \$1,690 dan \$1,890 sa-tahun. Ini tidak termasuk elaun kenderaan sa-banyak \$120 dan bayaran tuition sa-banyak \$450.

Bagi kursus Perubatan \$2,400 tidak termasuk elaun kenderaan \$120 dan bayaran tuition \$450 dan bayaran sewa tropong halus \$45.

B. MAKTAB PERTANIAN SERDANG

\$1,800 sa-tahun.

C. MAKTAB TEKNIK/INSTITIUT TEKNOLOJI KEBANGSAAN

\$1,200 sa-tahun.

D. DIPLOMA PENDIDIKAN

Bagi kursus² Sastera, Ekonomi dan Pentadbiran, Sains, Kejuruteraan dan Pertanian, \$2,700 sa-tahun. Ini tidak termasuk elaun kenderaan \$120 dan bayaran tuition \$450.

E. DERMASISWA

Bagi kursus Sastera, Ekonomi dan Pentadbiran, Sains, Kejuruteraan dan Pertanian, ia-lah antara \$1,690 dan \$1,890. Ini tidak termasuk elaun kenderaan sa-banyak \$120.

Saya tidak dapat memberi jumlah bantuan yang di-beri oleh Kerajaan² Negeri sama ada Dermasiswa Penoh atau pun Dermasiswa kerana ini ada-lah tanggungan Kerajaan² Negeri.

**UNIVERSITI DI-SARAWAK—
PENUBOHAN**

20. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa peruntukan tidak di-buat dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua untuk menubuhkan sa-buah Universiti di-Sarawak untuk memenuhi keperluan² Malaysia Timor memandangkan bilangan penuntut² yang ramai lulus daripada sekolah² menengah di-kedua² negeri di-Malaysia Timor.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ada-lah di-fikirkan bahawa Universiti² yang ada sekarang di-Malaysia Barat, ia-itu Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan akan dapat menampung tempat² bagi pelajaran tinggi untuk penuntut² di-negara ini, termasuk Malaysia Timor.

**TINGKATAN VI DI-SARAWAK—
MENGADAKAN TEMPAT**

21. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa hanya 25% sahaja daripada pelajar² yang lulus Sijil Pelajaran Seberang Laut tahun lepas memasoki Tingkatan Enam, dan sama ada Kerajaan akan mengadakan tempat² di-Tingkatan Enam kepada baki 75% itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak dapat menjawab soalan ini, kerana saperti-mana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom mengikut perenggan 17, Laporan "Inter-Governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran negeri² Malaysia Timor ada-lah di-bawah Kawalan Kerajaan Negeri masing².

**JALAN RAYA DARI MARUDI KA-
BARAM—PEMBENAAN**

22. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada beliau menimbang untuk membena jalan² kechil dari Marudi ka-Beluru melalui Long Lama dan Long Teru, apabila membena jalan raya besar melalui Daerah Baram supaya kawasan² rendah yang subur di-Baram dapat di-hubongi.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pembenaan jalan² luar bandar ada-lah urusan Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun saya suka-lah memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa jalan luar bandar Beluru/Long Teru ada-lah termasuk di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua dan akan di-laksanakan pada tahun 1973. Ada chadangan untuk membena sa-batang jalan yang menghubungkan Ulu Linei dengan Long Lama dalam Ranchangan Malaysia Yang Ketiga dan pada Ranchangan Malaysia Yang Keempat menyambungkan pula Long Lama dengan Long Teru.

**KAJIAN EKONOMI/PERTANIAN
PANTAI SARAWAK**

23. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan membantu dalam memulakan suatu kajian ekonomi/pertanian mengenai kawasan² pantai Sarawak bagi menanam kelapa sa-chara besar²an.

Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Haji Jawi: Bagi ma'alumat Yang Berhormat wakil dari Betong, Sarawak bahawa satu ranchangan untuk memajukan kawasan pantai negeri Sarawak bagi tanaman kelapa telah mula di-laksanakan dalam Ranchangan Malaysia Pertama dan kerja maseh lagi berjalan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini. Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua

sa-jumlah \$9,234,000 telah di-untukkan bagi memajukan sa-jumlah 45,000 ekar, atau 9,000 ekar sa-tahun. Bantuan paling tinggi ia-lah sa-banyak \$210 sa-ekar yang di-beri untuk ranchangan ini.

Ranchangan ini telah di-mulakan sa-telah selesai satu penyiasatan di-jalankan ka-atas faedah² ekonomi kapada petani² pantai Sarawak itu. Oleh itu, tidak-lah perlu satu lagi penyiasatan saperti yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat wakil dari Betong, Sarawak itu di-lakukan.

SHARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN MALAYSIA

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk menentukan supaya Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia di-beri hak yang besar oleh Persidangan Perkapalan Timor Jauh (F.E.F.C.)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia (M.I.S.C.) sedang berunding dengan Kumpulan Persidangan Perkapalan Dagangan Timor Jauh (Far Eastern Freight Conference) untuk mendapat hak pelayaran yang sa-imbang dengan kadar dagangan Malaysia antara Timor Jauh dengan Eropah. Kerajaan telah juga mengarah Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia terus meminta hak pelayaran yang lebeh sahingga kapal² Sharikat ini berjaya membawa 40% barang² dagangan yang di-bawa daripada dan juga kapada United Kingdom dan Eropah.

PENDARATAN KAPAL TERBANG ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan susunan hak pendaratan kapal² terbang antara Malaysia dan Singapura.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dalam menjawab soalan ini saya suka membuat rojokan kapada jawapan saya pada 11.5.1972 berhubung dengan soalan Yang Berhormat Ahli dari Batu yang menyentoh perkara yang serupa dengan perkara dalam soalan ini. Ya-itu hak terafik udara antara Malaysia dan Singapura maseh dalam peringkat rundingan.

RA'AYAT MALAYSIA—PERMIT KERJA

26. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan :

- (a) sama ada pekerja² yang permohonan² mereka untuk menjadi warganegara Malaysia maseh belum di-putuskan, tidak di-benarkan menyambong permit² kerja mereka walau pun isteri² dan anak² mereka ada-lah warganegara Malaysia; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang-kan permohonan² kera'ayatan ini sa-belum menamatkan permit² kerja mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Kategori bukan warganegara yang tinggal menetap di-negeri ini yang berik-ut ada-lah berhak mendapatkan perlanjutan otomatik bagi permit kerja mereka :
 - (i) isteri warganegara—(Borang "A")
 - (ii) mereka² yang di-lahirkan di-dalam negeri dan berhak men-dapat kewarganegaraan di-bawah Artik-al 16 Perlembagaan.—(Borang "E")
 - (iii) mereka² yang di-lahirkan di-dalam negeri berumur di-bawah 21 tahun dan berhak mandapat kewarganegaraan di-bawah Arti-kal (15) (3) Perlembagaan.—(Borang "C")
 - (iv) mereka² yang layak menjadi warganegara melalui chara kema-sokan dan telah memohon kewar-ganegaraan sa-belum 1hb Julai, 1969—(Borang "G")

Walau bagaimana pun Permit Kerja bukan warganegara akan juga di-perbaharui kalau tidak ada warganegara yang sesuai untuk mengambil aleh kerja yang pada masa ini di-lakukan oleh bukan warganegara.

- (b) Kerajaan tidak akan menghapuskan permit² kerja kategori bukan warga-negara di-atas sa-hingga permohonan² mereka untuk mendapatkan kewarga-negaraan telah di-putuskan.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SPM— PENGUMUMAN

27. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apa-kah sebab-nya keputusan² S.P.M. tahun ini lambat di-umumkan; dan
- (b) ada-kah benar bahawa keputusan² itu terpendam di-dalam Kementerian Pelajaran sa-lama lebeh kurang dua minggu, dan dengan demikian mendatangkan shak wasangka bahawa keputusan itu telah di-ubah².

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Ada-lah tidak benar jika di-katakan keputusan² SPM/MCE tahun ini lambat di-umumkan. Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat keputusan SPM/MCE bagi tahun ini di-terima di-Lembaga Peperiksaan pada pukul 10.00 malam hari Sabtu, 25hb Mach, 1972 dan sa-telah di-perosuskan sepanjang malam dengan kompiuter telah di-umumkan pada sabelah petang hari Ahad, 26hb Mach, 1972. Keputusan SPM/MCE tahun 1970 telah di-terima pada 27hb Mach, 1971 (hari Sabtu) dan telah di-umumkan pada 29hb Mach, 1971.
- (b) Tidak benar.

PEMEREKSAAN KERETA² MOTOR SA-MASA MEMBARUI LESEN KENDERAAN

28. Tuan Mohd Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Perhubungan menyatakan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya sama ada Kementerian-nya berchadang hendak memeriksa semua kereta motor berkaitan dengan "road worthiness" sa-belum chukai jalan raya tahunan di-keluarkan bagi kereta² yang lebeh daripada 5 tahun lamanya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kementerian ini tidak ada tujuan sekarang ini untuk memeriksa keadaan semua kenderaan² yang berusia lebeh 5 tahun sa-belum memperbaharui lesen kenderaan² itu. Walau bagaimana pun ada perbekalan di-dalam undang² untuk memeriksa kenderaan² motor, lama atau baru, berkenaan kesempurnaan-nya di-jalan raya, dan juga membuat larangan terhadap kenderaan² motor yang telah di-sahkan tidak selamat untuk kegunaan

di-jalan raya, walau pun tidak di-wajibkan sa-barang pemeriksa tahunan bagi kereta² yang lebeh dari lima tahun usia-nya. Pada masa ini semua kenderaan² perusahaan adalah di-periksa tiap² 6 bulan sekali bagi menentukan bahawa kenderaan² itu ada di-dalam keadaan baik.

PEKERJA² BAHARU DALAM SEKTOR AWAM/PERSENDIRIAN

29. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan jumlah pekerjaan² baharu yang telah di-ujudkan dalam tahun 1971:

- (a) oleh Sektor² Awam; dan
- (b) oleh Sektor² Persendirian.

Tan Sri V. Manickavasagam: Ma'alumat mengenai bilangan pekerjaan² baharu yang di-ujudkan dalam tahun 1971 mengikut sektor² itu maseh belum di-dapati. Walau bagaimana pun keseluruhan pergerakan ekonomi dalam tahun 1971 ada-lah di-bawah dari jangkaan hetong panjang kadar kenaikan tahunan di-bawah Rancangan Malaysia Kedua. Kesan ka-atas pengujudan pekerjaan ada-lah juga sama. Satu "sample survey" mengenai Tenaga Kerja yang di-jalankan dalam bulan Oktober, 1971 di-Malaysia Barat, di-tambah dengan beberapa anggaran² lain menunjukkan bahawa pengujudan pekerjaan dalam tahun itu ada-lah kurang sedikit dari matlamat hetong panjang tahunan di-bawah rancangan ia-itu 100,000 pekerjaan.

PEKERJA² LADANG— PEMBUANGAN KERJA

30. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menubuhkan sa-buah Jabatan Khas untuk menolong pekerja² ladang yang telah di-buang kerja untuk mendapatkan pekerjaan dan lain² mata pencharian.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan tidak bertujuan untuk menubuhkan satu Jabatan Khas bagi membantu pekerja² ladang yang telah di-berhentikan kerja, kerana Jabatan yang ada pada masa ini sudah menchukopi dan berkesanggapan untuk menguruskan keadaan ini dengan baik. Oleh itu, kedudukan sekarang tidak memerlukan penubuhan Jabatan Khas.

TABONG INSURAN BANTUAN MASHARAKAT—PENUBOHAN

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menubuhkan suatu "Tabong Insuran Bantuan Masharakat" untuk membantu pemandu² dan keluarga² mereka yang terlibat dalam kemalangan² kereta.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Majikan² kepada pekerja² termasuk pemandu² kenderaan boleh mengambil atau bergabung dengan Pampasan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Social yang dikelolakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Ra'ayat, manakala pemandu² persilangan atau orang awam boleh mengambil faedah² Kemalangan Komprehensif (Comprehensive Accident Benefits), Polisi² Insuran Nyawa atau melindungi kenderaan² mereka dengan Polisi² Insuran Komprehensif supaya apabila mereka di-timpa kemalangan maka mereka boleh menuntut ganti rugi atau mendapat bantuan² yang saimbang dengan faedah² kemalangan dan insuran yang diambil serta keberatan kemalangan yang ditanggung oleh mereka. Oleh sebab Kerajaan dan pihak swasta telah ada menyediakan kemudahan² kepada pekerja² termasuk pemandu² kenderaan apabila mereka di-timpa kemalangan maka Kerajaan tidak berchadang hendak menubuhkan Tabong Bantuan Masharakat yang di-maksudkan itu.

POLIO—KEMPEN SUNTEKAN

32. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan memberi laporan terhadap kempen suntukan polio, peratus kanak² yang di-suntek di-bawah 7 tahun, sama ada terdapat langkah² untuk menyuntek kanak² yang lebih tua hingga 12 tahun.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Kempen suntukan polio sa-hingga 30hb April, 1972, bagi Malaysia Barat ada-lah seperti berikut:

(a) Kanak² di-bawah umur 7 tahun:

	Bilangan yang	
	di-suntek	Peratus
Dos Pertama	930,265	67.2%
Dos Kedua	699,582	60.7%
Dos Ketiga	403,386	43.7%

(b) Kanak² antara umur 7 tahun—10 tahun:

Yang di-suntek	650,500
Peratus	78.5%

Tidak ada ranchangan untuk menyuntek kanak² sa-hingga umur 12 tahun buat masa ini oleh kerana bukti² wabak yang ada menunjukkan bahawa sedikit sangat faedah yang akan di-perolehi dengan berbuat demikian. Walau bagaimana pun, keadaan ini akan di-beri perhatian yang lebih teliti dan di-kaji dari masa ka-semasa sa-kira-nya perubahan dasar ini perlu.

PESAKIT² OTAK—MENGADAKAN RUMAH² SAKIT

33. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pukul-rata kes² penyakit otak di-negara ini, jumlah rumah² sakit tersebut yang ada sekarang dan sama ada ia-nya boleh menchukopi dengan terdapat-nya jumlah orang² sakit otak yang kian bertambah.

Tuan Lee Siok Yew: Di-waktu ini belum lagi ada angka² yang tepat. Walau bagaimana pun daripada bilangan pesakit² yang berada di-Hospital² Otak dan berbagai² Jabatan Perubatan Jiwa atau Psychiatric Units ada-lah di-perchayai bahawa bilangan pesakit² otak dan pesakit² jiwa (emotional disorders) di-negara ini ada-lah di-dalam anggaran 3 orang bagi tiap² 1,000 penduduk². Di-Malaysia Barat, ada 2 buah Hospital Otak dan 4 buah Jabatan Perubatan Jiwa atau Psychiatric Units dan di-Malaysia Timor pula ada 2 buah Hospital Otak dan 2 buah Jabatan Perubatan Jiwa atau Psychiatric Units. Kementerian saya sedar akan kekurangan² ini dan oleh yang demikian di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua kami telah menchadangkan untuk meninggi-kan taraf Jabatan² Perubatan Jiwa atau Psychiatric Units yang ada ini, meluaskan kemudahan² untuk menyediakan Perkhidmatan Perubatan Jiwa yang sa-chukop²-nya dan juga memperbaiki keadaan² dalam semua Hospital² Otak.

KEBERSEHAN RUMAH SAKIT PULAU PINANG—MEMBAIKI

34. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk membaiki taraf kebersihan (standard of hygiene) di-Rumah Sakit Besar, Pulau Pinang.

Tuan Lee Siok Yew: Pertama sa-kali suka saya memberitahu Kementerian Kesihatan sentiasa menjaga kebersihan Hospital Besar, Pulau Pinang dan lain² hospital dengan memuaskan. Untuk menjaga taraf kebersihan yang memuaskan ini langkah² berikut telah dan sedang di-jalankan:

- (a) Mengadakan tong² sampah bagi wad² dan rumah² Kerajaan dalam kawasan hospital;
- (b) Mengadakan pemereksaan di-wad² dan juga sekeliling-nya;
- (c) Menubuhkan kumpulan² untuk mem-bersehh tempat² yang selalu kotor, Mithal-nya tandas orang ramai, jalan² (corridor) dan tangga²;
- (d) Tindakan tegas di-ambil terhadap penjual² yang selalu mengunjongi hospital;
- (e) Mengarahkan ketua² jururawat yang menjaga wad² supaya menukar kain chadar apabila perlu dan juga mem-basoh wad² dan sekeliling-nya se-kurang² sa-kali sa-hari;
- (f) Lawatan² oleh pegawai² Kementerian Kesihatan telah dan akan di-teruskan supaya kerja² baik itu di-kekalkan.

JURURAWAT—KEKOSONGAN

35. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah jawatan² kosong untuk "staff nurse" yang terdapat di-Rumah Sakit Besar, Pulau Pinang, sejak 1hb Mach, 1972; dan sudah berapa lama-kah jawatan² ini kosong dan apa-kah langkah yang akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk mengisi jawatan² ini.

Tuan Lee Siok Yew: Jumlah jawatan Jururawat di-Hospital Besar, Pulau Pinang ia-lah 130. Dari jumlah ini 118 jawatan telah di-isi pada 1hb Mach, 1972 dan dengan demikian jumlah kekosongan pada tarikh itu ia-lah 12. Kekurangan² jawatan² terdapat di-seluruh negara dan kekosongan² ini akan di-penohkan berperingkat².

IJAZAH² UNIVERSITI NANYANG—NILAIAN

36. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan terakhir Kementerian Pelajaran di-dalam soal peni-laian ijazah² Universiti Nanyang dan Univer-siti² Formosa dan Maktab² Formosa dengan tujuan hendak mengiktiraf kelayakan mereka.

As you know, Mr Speaker, Sir, most of our children are handicapped from being unable to buy books when they go to school, particularly in the higher standards, where the cost of school text-books can add up to a formidable one. Many of us, Mr Speaker, Sir, who have gone to foreign countries to study would know that most of us have studied on borrowed books from lending libraries, paying only a nominal sum for the hire of the books and not paying the actual cost, which were almost impossible. I, therefore, would like this Authority to keep that in mind so that our students would be able to borrow these books from this library and benefit by that in getting through the schools and colleges.

Mr Speaker, Sir, I think the Minister is aware that there are already in some cities some authorities which have set up their own libraries. Like in Penang, I think they have had a public library for a long time and there is a move to turn that into a public corporation. A great deal of co-ordination and co-operation of Local Authorities and other bodies will have to be sought and I am sure that if this is done it would ease a great deal of the work of the Authority.

Finally, Mr Speaker, I would not like to take much time on this except to say that I would like to see that the person who is to be appointed Director-General would be a person who is not only an able man but also a person who has a keen interest of the people, particularly in matters of this nature. I also hope that this Authority will be a real Authority to all intents and purposes and not merely remain an Authority. All too often, we have seen the enthusiasm of Government reflected in the setting up of bodies, but once they are set up, they either do not have the money or the men and they do not progress at all. I hope this does not happen to this Authority and I hope the Minister will ensure that this will be a living Authority and not a dead Authority. Thank you.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini dan mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang² ini.

Perpustakaan Negara ada-lah suatu yang sangat di-perlukan dan di-kehendaki serta dinanti² oleh ra'ayat Malaysia sa-lama ini dan dengan ada-nya Rang Undang² ini di-luluskan kelak, maka sudah sampai-lah impian beberapa peminat² buku dan perpustakaan apabila menjadi kenyataan kelak dan sesuai benar dengan Minggu Buku yang di-anjarkan oleh UNESCO bagi tahun ini. Dan memang-lah di-akui bahawa buku ada-lah satu alat yang dapat mengabadikan segala sa-suatu dan dapat menghubungkan jenerasi yang ada ini yang masih hidup dengan jenerasi² di-zaman yang lepas yang sudah tidak ada lagi bersama² dengan jenerasi ini. Maka dengan sebab itu, saya yakin dan perchaya bahawa penubuhan Perpustakaan Negara ini ada-lah suatu hadiah besar daripada Kerajaan kepada negara dan ra'ayat Malaysia ini.

Walaupun begitu, saya suka mengemukakan beberapa pandangan terhadap Rang Undang² ini yang pada saya mempunyai kekurangan pada dasar-nya ia-itu Rang Undang² yang bagini baik yang berbunyi Perpustakaan Negara tetapi telah di-lumpuhkan dan di-lemahkan dengan satu ayat sahaja ia-itu: "(2) Akta ini hendak-lah di-pakai hanya bagi Malaysia Barat sahaja".

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama menu-buhkan Malaysia ia-lah menggabungkan Malaysia Barat dengan Sabah dan Sarawak atas dasar mendapatkan sa-banyak² persamaan yang boleh dalam bentuk pemerentahan dan pentadbiran. Usaha² mendekat dan mengeratkan lagi penjalanan itu patut diperhebat dari sa-masa ka-samasa dengan mempunyai lagi persamaan² dalam segala bidang dan aspek politik, ekonomi, sosial dan lain²-nya.

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara baharu sahaja di-dalam persidangan meshuarat Dewan ini baharu² ini menyatakan bahawa Kerajaan sedang berikhtiar menchari sa-baik² jalan untuk melancarkan kempen integrasi supaya Malaysia Barat dan Malaysia Timor dapat mempunyai keperibadian dan identiti yang tunggal dan dengan itu mencherminkan persatuan dan mencherminkan kesatuan antara yunit² politik dalam kenegaraan Malaysia. Dan di-dalam meshuarat

penggal yang lalu, Dewan ini telah meluluskan beberapa undang² menyatukan dan menyelaraskan undang² yang terdapat perbezaan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor.

Kerajaan Sabah dan Sarawak juga telah pun mengorak langkah ka-arrah integrasi-pentadbiran dengan chara menyelaraskan dasar² negeri dengan amalan² undangan yang terdapat di-Malaysia Barat.

Bagitu juga dalam hal pelaksanaan, boleh jadi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah juga meminta supaya di-adakan dan di-samakan sistem pelajaran di-Sarawak itu dengan sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dan tentang pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mengisytiharkan ia-itu 7hb Mach tahun 1972, Bahasa Malaysia hendak-lah di-jadikan Bahasa Rasmi yang tunggal dan di-gunakan bagi semua diseluruh Pejabat² di-dalam Negeri itu. Jika integrasi di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor menjadi tujuan utama dan terakhir kita, langkah² menuju ka-hadapan yang patut di-ambil ia-lah chuba menghapuskan sa-berapa banyak yang boleh segala unsur² yang tidak sama yang terdapat sekarang dan menchegegah daripada terjadi-nya perkara² yang boleh mengelakkan atau mengekalkan perbezaan lama dan membasmi segala apa langkah² baharu yang boleh menjadi tambahan kepada perbezaan² yang telah banyak sedia ada.

Rang Undang² Perpustakaan Negara tahun 1972 ini sudah tentu akan menawarkan hati mereka yang berusaha ka-arrah integrasi Malaysia Barat dan Timor. Dengan membezaikan dan mengasingkan Sabah dan Sarawak daripada urusan dan perkhidmatan perpustakaan, bererti negara berminat hanya dalam hal ehwal perpustakaan Malaysia Barat sahaja sedangkan Malaysia Timor juga tidak kurang mempunyai dan menghadapi masaalah² perkhidmatan perpustakaan. Keperibadian Malaysia tidak boleh utoh dan menyeluruh dengan terpisah Malaysia Timor daripada usaha² perpustakaan di-perengkat kebangsaan, walau pun jarak-nya agak jauh sedangkan dalam usaha² perpustakaan banyak boleh di-perolehi untuk memesatkan lagi usaha² integrasi.

Jika Rang Undang² ini di-luluskan, bererti-lah untuk beberapa ketika yang belum diketahui bila-kah akhir-nya segala usaha perpustakaan kita ada-lah terbatas atau

terhad di-Malaysia Barat sahaja sedangkan hal sosial, kebudayaan, sejarah dan lain lagi tidak akan lengkap untuk merupakan dan mencherminkan chorak kebangsaan tanpa memasukkan Sabah dan Sarawak yang juga banyak mempunyai persamaan dengan Malaysia Barat.

Kita tidak boleh adil menghukum sa-suatu bagi hak mutlak, atau berchorak atau berirama atau bernada Malaysia dengan hanya mengemukakan sa-suatu dari Malaysia Barat sahaja atau dari Malaysia Timor sahaja. Perbuatan demikian itu tidak dapat diterima sa-bagai mewakili keperibadian atau identiti Malaysia.

Rang Undang² ini sangat baik, dan saya merasa kesal bahawa apabila Yang Berhormat Menteri mengemukakan Rang Undang² ini tidak menerangkan mengapa Rang Undang² ini di-bataskan, Akta ini di-bataskan kepada Malaysia Barat sahaja. Semua tujuan² dan maksud² yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini semua-nya saya akui baik, tetapi saya berharap menteri yang berkenaan patut-lah pada masa yang di-fikirkan sesuai supaya Rang Undang² ini di-ubah, di-pinda dengan penyesuaian-nya sampai kepada apa hasil² yang mungkin diperolehi daripada usaha² perpustakaan yang akan di-jalankan di-Sabah dan Sarawak pada suatu masa nanti. Undang² atau yang sumpama-nya mudah di-pinda atau di-ubah tetapi keperibadian atau identiti tidak boleh di-berikan layanan yang saperti itu. Kita tentu tidak ingin melihat Sabah dan Sarawak sengaja ketinggalan di-dalam bidang kebudayaan, sosial, perpustakaan dan lain² dengan memberikan kesempatan lebeh dahulu kepada Malaysia Barat. Oleh kerana Sabah dan Sarawak tidak di-bawah kawalan Ketua Pengarah bagaimana yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini dalam hal ehwal perpustakaan dan akibat² dari diskriminasi dalam Rang Undang² ini kedua² negeri itu boleh mengadakan sistem tersendiri. Dan boleh jadi sistem di-Malaysia Timor itu nanti tidak sa-chorak atau sa-haluan dengan sistem perpustakaan kebangsaan yang telah di-taja di-bawah Akta ini.

Akhir-nya nanti boleh jadi terdapat dua tiga sistem perpustakaan yang berlainan di-negara kita yang satu. Ini akan merosakkan imej negara, lebeh baik dari sekarang di-adakan bimbingan kerana ini lebeh baik dan lebeh mudah daripada membuat pembetulan

yang lahir dari kesilapan mengechualian pemerhatian Akta ini di-Sabah dan di-Sarawak.

Dalam usaha membentok imej dan keperibadian negara banyak juga sumbangan² yang boleh di-dapati dari usaha² perpustakaan. Demikian juga dengan mengumpulkan bahan² yang ada terkandung, yang di-butirkan satu persatu-nya di-dalam Akta ini maka saya memang mengetahui bahawa ada banyak bahan² di-Malaysia Timor, Sabah dan Sarawak yang boleh memperkayakan kumpulan² bahan² perpustakaan di-perpustakaan negara kelak.

Demikian juga manakala Sabah dan Sarawak tidak terletak di-bawah Akta ini, maka Sabah dan Sarawak boleh berkira-bicara dan berhubung dengan dunia antara-bangsa dalam hal ehwal perpustakaan. Ini tidak baik akibat-nya, kalau dunia antara-bangsa menggunakan bahan² perpustakaan dari Malaysia Timor sahaja untuk membincangkan Malaysia di-kalangan antara-bangsa. Tatkala itu kita terpaksa pula mengambil tindakan membetulkan di-peringkat antarabangsa. Ini pada hemat saya, satu perbuatan yang kurang baik dan akan merugikan masa dan usaha untuk membetulkan kesilapan yang kita lakukan sekarang. Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Akta ini di-pakai hanya di-Malaysia Barat sahaja, mungkin pemilihan Yang Berhormat Menteri berkenaan memilih ahli² yang akan duduk di-dalam Lembaga ini akan terbatas atau terhad kepada orang² Malaysia Barat sahaja dan jika orang² ini tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai hal-ehwal perpustakaan di-Malaysia Timor. Lembaga itu kelak terhindar daripada menyertai kegiatan² perpustakaan Malaysia Timor. Jika orang² yang di-lantek ini pula dari Malaysia Timor atau yang mahir dalam hal ehwal perpustakaan Malaysia Timor, mereka ini akan menghadapi pula kegiatan² perpustakaan dari pengusaha² perpustakaan Malaysia Timor sendiri. Dua pihak yang berasingan atau pun berebutan yang lahir dari diskriminasi perundangan tentu-lah tidak dapat bekerjasama bagi kepentingan bersama. Usaha² perpustakaan di-peringkat kebangsaan tidak boleh berjalan dengan baik-nya tanpa ada-nya sumbangan dari Sabah dan Sarawak.

Saya memandang berat atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya perchaya Malaysia Timor juga memerlukan perkhid-

matan perpustakaan yang sempurna dan memerlukan bimbingan daripada Lembaga yang akan di-tubuhkan kelak dan daripada Perpustakaan Negara ini. Dan saya berharap ia-itu apabila Lembaga ini, terutama Ketua Pengarah-nya mengumpulkan bahan² perpustakaan-nya, ia-itu daripada rakaman² pita yang saya perchaya sangat kaya di-negara kita ini, di-Pantai Timor dalam Malaysia Barat dan juga di-Sarawak dan Sabah. Dengan usaha² merakamkan pita ini terutama dalam bidang pengilupur-lara telah banyak di-lakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka beberapa tahun yang lampau, dan saya perchaya tentu-lah dengan Akta ini Ketua Pengarah ada mempunyai kuasa untuk mengarahkan mana² perpustakaan yang mempunyai bahan² yang termasuk di-dalam taarif atau definisi bahan perpustakaan mengikut Akta ini akan dapat di-kumpulkan di-dalam Perpustakaan Negara. Walau pun demikian, saya berharap juga kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara ini akan bertimbang rasa kepada perpustakaan² yang selama ini telah memberikan perkhidmatan perpustakaan-nya kepada peminat² buku dan juga rakaman² bagi tujuan penyelidikan (research) di-Pusat² Pelajaran Tinggi dan juga di-bidang bahasa dan sastera supaya mereka juga dapat menjalankan peranan-nya yang asal itu walau pun tertuboh-nya kelak Perpustakaan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pandangan yang saya kemukakan terutama dalam masalah Malaysia Timor tadi yang tidak termasuk dalam Akta ini dapat pertimbangan yang saksama dan serious dari Menteri yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi sokongan kepada Akta ini, saya ingin menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah bagitu lama mengambil masa untuk menentukan bagaimana penting dan mustahak-nya perpustakaan negara ini di-tubuhkan. Sa-hingga hari ini negara kita telah mencapai kemerdekaan hampir 15 tahun lama-nya baharulah Rang Undang² Perpustakaan Negara ini di-kemukakan di-dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada ra'ayat negeri ini masalah perpustakaan ini sangat² lama di-tunggukan dan dengan ada-nya Rang

Undang² seperti yang di-bentangkan di-hadapan kita pada hari ini ada-lah merupakan suatu pemberian yang akan di-beri oleh Kerajaan bukan sahaja kepada mereka yang tinggal di-bandar² yang besar, tetapi ada-lah di-harapkan bahawa seluruh ra'ayat dalam Malaysia ini benar² akan menerima faedah daripada Perpustakaan Negara yang di-chadangkan oleh Kerajaan ini.

Sa-lama ini, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam beberapa buah negeri di-Malaysia ini sudah pun ada perpustakaan, sa-tengah²-nya di-biaya² oleh Negeri², dan sa-tengah²-nya di-tubuhkan atas usaha dan inisiatif sa-tengah² pehak dengan di-bantu oleh Kerajaan. Tetapi dengan ada-nya Undang² yang baharu ini berarti Kerajaan kita telah mempunyai niat dan azam untuk menubuhkan sendiri perpustakaan ini dan mengendalikan-nya dari kumpulan wang Kerajaan. Apa yang saya hendak tegaskan dalam ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah oleh kerana dalam kelaziman-nya Kerajaan kita apabila menubuhkan sa-suatu yang baharu dalam Malaysia ini, maka sudah tentu-lah bandar² yang besar di-utamakan, Memang Perpustakaan Negara ini sudah sa-wajar-nya di-adakan di-Ibu Kota, tetapi berdasarkan kepada Rang Undang² ini bahawa ada-lah menjadi tujuan-nya untuk mengadakan Perpustakaan Awam perchuma di-seluruh negara dan perkhidmatan perpustakaan di-Malaysia.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan khas-nya supaya penubuhan perpustakaan awam di-tiap² Negeri dan juga di-kawasan² yang terpenchil di-tiap² daerah hendak-lah di-ambil pandangan yang berat sama dengan mustahak-nya penubuhan Perpustakaan Negara di-Ibu Kota ini kerana kalau kita membuat banchian, Dato' Yang di-Pertua, murid² atau pun kanak² sekolah yang lemah di-dalam pelajaran-nya yang ada di-kawasan² luar bandar dan kawasan² pendalaman tidak dapat hendak di-nafikan tentang sebab²-nya ia-lah kerana kekurangan pembacaan buku² dan kekurangan pembacaan buku² ini ia-lah berpuncha dari kemiskinan ibu-bapa-nya. Maka sudah tentu dengan ada-nya perpustakaan awam yang akan di-kelolakan dan di-bantu oleh Kerajaan yang akan di-tubuhkan di-kawasan² pendalaman nanti di-tiap² daerah ada-lah merupakan suatu pertolongan yang besar kepada kanak² miskin yang sa-lama ini tidak

mempunyai peluang membuat rujukan bagi menambahkan pengetahuan dan ilmu mereka itu.

Pada masa yang lalu, Dato' Yang di-Pertua, kita pernah pergi ka-perpustakaan yang telah ada dalam negeri kita ini seperti yang telah saya katakan tadi sa-tengah² negeri sudah pun ada sekarang ini, tetapi keadaan yang ada amat-lah menyedehkan, kerana tidak mempunyai kelengkapan yang chukop dan banyak kekurangan buku² yang mustahak di-dalam perpustakaan itu. Apa yang saya kehendaki kepada Kerajaan sambil mempelajari kekurangan² yang ada di-khutub²-khanah dalam negara kita ini apabila melan-charkan perpustakaan ini tidak-lah berulang kelemahan² yang ada kepada khutub-khanah itu akan terdapat pula kepada perpustakaan yang akan di-kendalikan oleh Kerajaan sendiri. Apakala kita menghalusi kepada Akta ini, Dato' Yang di-Pertua, saya dapat melihat bahawa tujuan di-adakan Perpustakaan Negara ia-lah antara lain-nya :

“(b) membantu Kerajaan dalam menggalakkan pelajaran, penggunaan dan kemajuan Bahasa Kebangsaan.”

Dato' Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara ini, saya ingin menarek perhatian Kerajaan supaya dengan tertubuh-nya Perpustakaan Negara ini yang antara lain² mempunyai tujuan, “membantu Kerajaan dalam menggalakkan pelajaran, penggunaan dan kemajuan Bahasa Kebangsaan”, saya berharap Kerajaan tidak hanya terhenti kepada tertulis-nya sahaja di-dalam Undang² ini akan tujuan seperti ini, tetapi hendak-lah berusaha dengan bersungguh² supaya dengan penubuhan perpustakaan ini benar² dapat membantu Kerajaan dalam usaha memajukan Bahasa Kebangsaan ini, kerana seperti yang pernah di-suarakan di-dalam Dewan ini, Dato' Yang di-Pertua, oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat memang tidak dapat di-nafikan di-dalam usaha Kerajaan hendak mengembangkan Bahasa Kebangsaan ini menerusi Jabatan² Kerajaan-nya dan lain² pehak ternyata dan gulungan² yang hanya berchakap pada memberi sokongan, berchakap sahaja memperjuangkan Bahasa Kebangsaan berikrar sahaja ingin mempertahankan dan memajukan Bahasa Kebangsaan, tetapi di-dalam perlaksanaan-nya amat-lah menyedehkan sa-kali. Jadi, oleh kerana tujuan utama Kerajaan menubuhkan Perpustakaan Negara ini ada-lah menjadi

tanggung-jawab membantu Kerajaan di-dalam memajukan Bahasa Kebangsaan, saya harap Perpustakaan Negara akan dapat memainkan peranan yang begitu kuat bagi melaksanakan kehendak ini.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, yang menarek perhatian saya ia-lah tentang keazaman Kerajaan sa-lain dari hendak mengadakan Perpustakaan Negara ini di-peringkat pusat, juga akan di-adakan di-peringkat negeri dan akan di-adakan juga sa-chara kereta bergerak. Ini membayangkan kepada saya bahawa begitu besar hasrat Kerajaan untuk memberi peluang kepada ra'ayat dalam negeri ini menekmati dari rancangan yang di-chadangkan oleh Kerajaan ini kerana, Dato' Yang di-Pertua, kepada saya, saya berpendapat bahawa perpustakaan atau pun khutub-khanah kepada masharakat di-luar bandar yang tidak mempunyai peluang melanjutkan pelajaran-nya ka-pusat² pengajian tinggi, khutub-khanah ada-lah merupakan sekolah sambilan bagi mereka bagi mengasah bakat dan menajamkan chara mereka berfikir untuk bersama² mengambil bahagian-nya di-dalam memahami kaedah dan perjalanan Kerajaan dari satu masa ka-satu masa. Dengan sebab itu, sambil kita memenohi di-dalam perpustakaan ini nanti dengan buku² bacaan sama ada sa-chara ilmiah atau tidak, maka saya fikir, buku² yang berchorak yang ada kait-mengait dengan pemerintahan negara ini hendak-lah di-beri perhatian yang lebeh apabila di-tubuhkan di-kawasan² luar bandar supaya mereka yang ada di-luar bandar dapat mengikuti dengan sunggoh² bagaimana chorak pemerintahan negara kita dan mereka juga dapat memahami apa-kah kehendak Kerajaan kita ini daripada satu masa ka-satu masa.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga merasa sama berdukachita kerana Perpustakaan Negara berdasarkan kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini tidak meliputi Negeri Sarawak dan Sabah seperti yang telah di-sebutkan baharu sa-bentar tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam. Walau pun perkara ini tidak termasuk, saya fikir maseh mempunyai masa kepada Yang Berhormat Menteri membuat kajian chara men-dalam supaya apa yang di-bayangkan oleh sahabat

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Untuk penjelasan, Dato' Yang di-Pertua. Perpustakaan Negeri Sabah dan

Sarawak ada-lah hak kuasa negeri Sabah dan Sarawak di-dalam Perlembagaan dan tidak ada kuasa Kerajaan Pusat dari segi Perlembagaan hendak membuat Undang² bagi Negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan perpustakaan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, walau pun di-dalam Perlembagaan perpustakaan di-Sarawak dan Sabah ia-lah hak bagi Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah, tetapi saya berpendapat atas tujuan yang baik, atas persefahaman antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan² Negeri. Saya tidak berpendapat bahawa tujuan yang bagini baik tidak dapat di-selaraskan supaya pada masa yang akan datang tidak-lah berchanggah antara Perpustakaan Negara yang ada di-Malaysia Barat dengan Perpustakaan Negara yang akan lahir di-Sarawak dan Sabah. Kira-nya untuk melaksanakan kehendak ini ada Undang² dan peratoran yang menyekat-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya fikir, sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan menchari jalan atau merintis jalan supaya Undang² dan peratoran yang menyekat itu boleh di-ubah dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kelaziman yang berlaku di-dalam negara kita ini oleh kerana Perpustakaan Negara ini juga akan di-tubuhkan Lembaga-nya dan berdasarkan kepada Akta ini Lembaga hendak-lah terdiri daripada ahli² seperti yang terkandung di-dalam Fasal 5. Apa yang saya maksudkan supaya orang yang akan di-lantek oleh Menteri yang berkenaan bukan sahaja terdiri daripada orang yang ahli di-dalam masalah ini tetapi hendak-lah orang yang ahli itu benar² ingin berkhidmat untuk kemajuan perpustakaan ini. Kerana di-dalam negara kita ini memang ramai orang yang ahli tetapi kadang² di-dalam keahlian itu ada sa-tengah-nya tidak begitu berhemah untuk memberi tenaga yang lebeh di-dalam memajukan sa-suatu perkara yang dia-nya ahli. Dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bagi Yang Berhormat Menteri di-dalam perlantekan-nya nanti jangan sa-kali² memandang kepada orang² yang berada di-sekeliling-nya yang barangkali pandai menarek perhatian Menteri, tetapi hendak-lah orang² itu mempunyai suatu kedudukan yang agak bebas di-dalam pemikiran-nya untuk memberi sa-barang pandangan dan fikiran bagi memajukan perpustakaan ini. Jika tidak, Tuan Yang di-Pertua, perpustakaan yang akan lahir nanti akan

menelankan wang yang begitu banyak akan endah pada nama-nya tetapi tidak begitu endah apa yang ada di-dalam-nya. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya tadi tidak hendak mengganggu waktu sahabat saya sedang berchakap tadi, tetapi keterangan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara bahawa perpustakaan ada-lah hak Negeri. Tetapi saya suka mendapat penjelasan sa-kira-nya ada usaha daripada pehak Kerajaan Pusat sa-belum menderaf Rang Undang² ini di-ajak dan di-bawa berunding pehak Kerajaan² Negeri supaya Akta ini tidak-lah begitu merupakan sa-buah negara yang berpechah² dan tidak berchanggih di-antara satu fasal dengan fasal yang lain di-dalam Akta ini. Kerana di-dalam Fasal 4 umpama-nya di-dalam pengurusan dan pengawasan dan pengawalan perpustakaan negara ada menyebutkan di-dalam Fasal 4 (b) ia-itu: "Menggalakkan suatu sistem perpustakaan awam perchuma di-seluruh negara. . . ." Jadi siapa yang memahami bahasa Melayu (bahasa Malaysia) di-seluruh negara ini, mana juga, apa juga bahagian yang termasuk di-dalam negara itu ada-lah hak negara. Begitu juga di-dalam Fasal 4 (d) ia-itu termasuk:

"4 (d) memperkembang dan menyenggara dengan chara membeli atau dengan chara lain suatu kumpulan bahan² perpustakaan di-peringkat kebangsaan, termasuk suatu kumpulan lengkap mengandongi bahan² perpustakaan berhubung dengan Malaysia dan penduduk²-nya."

Kalau peringkat ini 10 tahun lepas satu perjanjian yang telah di-buat maseh juga hendak di-kekalkan, pada hal usaha² sedang di-lakukan ka-araf menyatu-padukan dan menyamakan serta menyelaraskan mana² perbedzaan yang terdapat dengan undang² demi undang² yang di-kemukakan di-Dewan ini bagi menyampaikan hasrat kaa-rah itu, tidak-kah patut-nya pada masa sa-belum di-adakan Rang Undang² ini dan atau sudah-kah di-jalankan rundingan² dengan pehak Kerajaan² Negeri supaya di-dapati Perpustakaan Negara ini merupakan perpustakaan negara dan dapat juga di-nekmati faedah-nya daripada penubohan Perpustakaan Negara oleh saudara² kita dan ra'ayat daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu²kan Rang Undang² Perpustakaan Negara ini dan mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri yang telah pun mengambil usaha untuk mengadakan satu Rang Undang² Perpustakaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970 pehak Arkib Negara telah pun menganjorkan satu seminar yang mana wakil² daripada seluroh negara daripada perpustakaan² hingga daripada perengkat negeri dan daerah hadir bersama membincangkan sa-buah kertas kerja yang telah pun di-sediakan oleh Puan Hedwig Annuar. Di-dalam kertas kerja itu memberi pandangan² dan ranchangan² yang prektik bagi menubuhkan Perpustakaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya kertas kerja yang telah di-persetujukan oleh seminar itu dan di-serahkan kapada Ketua Setiausaha Negara dan pehak Yang Berhormat Menteri telah pun mengkaji kertas kerja itu dan sekarang telah di-bentangkan satu Rang Undang² Perpustakaan Negara. Apa yang saya berasa dukachita, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah menentukan penubohan sa-buah Perpustakaan Negara. Bukan-lah merupakan satu Rang Undang² yang boleh menguasai atau meluaskan penguasaan-nya seluroh negara kita. Ini fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua.

Chuma ada satu sahaja berkaitan dengan yang lain² Fasal 3 (a): mengadakan bimbingan dan menggalakkan kerjasama dalam hal ehwal perpustakaan di-Malaysia—chuma hendak memberi kerjasama sahaja.

Pada hal apa yang di-putuskan oleh seminar rang undang² ini patut merupakan sa-buah rang undang² yang boleh di-pakai bukan sahaja di-perengkat negara bahkan perengkat negeri sa-terus-nya kapada perengkat² daerah. Jadi saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji dan jikalau-lah boleh sa-lepas sahaja rang undang² ini di-laksanakan pada beberapa tahun yang akan datang di-kaji dan di-perluaskan rang undang² ini supaya dapat di-masokkan ka-perengkat negeri dan ka-perengkat² daerah.

Bagaimana yang di-shorkan dalam kertas kerja yang di-sebutkan itu ia-itu pehak

Persekutuan atau pihak Pusat akan membekalkan buku² yang bermutu yang dikehendaki oleh pihak negeri dan perengkat² daerah. Dan perengkat negeri pula di-chadangkan supaya bahagian negeri itu mengadakan kumpulan wang bagi mengadakan pembinaan bangunan² perpustakaan dan bagi perengkat daerah pula bagi Kerajaan² Tempatan yang ada dalam undang² Perbandaran membolehkan Majlis² Tempatan menggunakan kumpulan wang-nya daripada Majlis itu untuk membiayai perpustakaan perengkat daerah. Ini-lah rekomendasi yang telah pun di-buat oleh Puan Hedvig Annuar. Saya berharap Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji dan akan, jikalau boleh, melaksanakan apa yang di-sebutkan itu mudah²an dapat-lah perkhidmatan perpustakaan ini sa-hingga kepada orang² yang di-luar bandar. Jikalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, tertuboh-nya perpustakaan ini dekat dengan Arkib Negara yang saya tahu ada peruntukan untuk mengadakan sa-buah bangunan yang saya perchaya bangunan ini dan kemudahan² ini hanya akan dapat kepada orang² yang duduk di-Kuala Lumpur sahaja bagi orang yang di-luar bandar tidak akan menekmati. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat kaji dan jalankan apa yang saya fikirkan patut di-laksanakan pada masa hadapan.

Ada satu masa'alah dalam perbincangan pada masa kita ada seminar. Dalam Malaysia ini chuma negeri Sabah dan Sarawak sahaja membolehkan Kerajaan itu untuk menggunakan peruntukan wang daripada Kumpulan Wang Kerajaan Negeri membiayai bagi mengadakan perpustakaan, tetapi bagi sa-belas buah Negeri di-Malaysia Barat semua-nya tiada boleh mereka itu meng-untoikkan wang untuk membiayai perpustakaan². Dengan ini di-harapkan pihak Menteri yang berkenaan akan berunding dengan Menteri² Besar dan Ketua² Menteri di-Malaysia Barat supaya pinda Perlembagaan Negeri untuk membolehkan negeri membiayai-nya supaya dapat negeri itu menguntoikkan wang daripada kumpulan wang negeri bagi memajukan perpustakaan di-perengkat negeri dan di-perengkat daerah. Dengan chara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya perkembangan perpustakaan ini akan lebih chepat lagi jika tidak di-buat demikian akan lambat-lah perkembangan-nya.

Bagaimana kita sedia ma'alum, Tuan Yang di-Pertua, negara² yang maju yang mempunyai banyak di-antara penduduk²-nya golongan intelek, satu daripada sebab²-nya ia-lah oleh kerana negara² itu memberi kemudahan yang istimewa kepada ra'ayat mereka untuk mereka meminjamkan buku pelajaran dengan sendiri menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Ini ada-lah satu tanaman modal yang akan memberi keuntungan yang besar kepada negara kita untuk orang tua sekarang pun, atau pun jenerasi yang akan datang supaya kita dapat banyak lagi golongan intelek yang akan menolong memajukan negara kita. Saya berharap kepada pihak Kerajaan untuk hendak membelanjakan wang jangan-lah berasa takut² kerana ini ada-lah satu tanaman modal yang akan memberi keuntungan yang besar pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya perpustakaan ini di-negara di-tiga² perengkat yang saya katakan tadi perengkat² pusat, negeri dan daerah sa-terus-nya, bantuan buku kepada sekolah² menengah yang ada di-seluruh negara kita ini. Ini akan menyemai semangat perpaduan di-antara warganegara kita yang berbilang keturunan. Tentu sa-kali banyak di-antara orang yang pergi ka-perpustakaan ini dari berbilang kaum, maka mereka itu dapat temu ramah dan berkenalan dan mengeratkan lagi perpaduan. Ini ada-lah satu chara sa-baik²-nya dan satu chara yang baik untuk mempereratkan perpaduan di-antara warganegara kita.

Mengenai perkhidmatan perchuma yang di-chadangkan itu dari pengalaman saya sendiri sa-bagai sa-orang daripada pengasas perpustakaan daerah Utara Seberang Prai. Pengalaman saya sendiri jika kita beri perkhidmatan perchuma, walau pun beri ubat, walau beri apa juga kepada ra'ayat, kita dapati sambutan daripada ra'ayat itu tidak begitu memuaskan, sebab mereka kurang menghargai pemberian perchuma. Ini-lah tegoran yang ikhlas. Saya harap Kerajaan kenakan sedikit sahaja bayaran, kata-lah yuran sa-tahun \$1.00 sa-bagai kena bayar. Jika tidak kena bayar mereka tidak menghargai apa yang di-beri kepada mereka itu. Ma'alum-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-sa-buah buku yang bernilai \$50.00 dan \$100.00 mereka pinjam dan baca buku itu dapat ilmu pengetahuan, tetapi jika kita beri mereka itu pinjam dengan perchuma. Mereka tidak menghargai dan tidak mereka itu jaga

buku² itu dengan baik. Oleh itu, saya harap pehak Yang Berhormat Menteri akanimbang supaya dapat buat apa yang di-fikirkan patut dan menasabah bagi di-perbaiki lagi perkhidmatan itu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan daripada Majlis Bandaraya, Kuala Lumpur mithal-nya patut Bandaraya Kuala Lumpur beri banyak wang sedikit kepada Perpustakaan Negara ini, kerana penduduk² di-Kuala Lumpur akan mendapat kemudahan istimewa daripada warganegara yang lain. Dan sa-buah daripada perpustakaan yang saya nampak beri banyak bantuan ia-lah Majlis Perbandaran Ipoh. Majlis Perbandaran Ipoh menguntokkan \$80,000 lebih sa-tahun untuk membiayai perpustakaan itu berbanding dengan perpustakaan² yang lain. Saya harap pehak Menteri akan membuat rundingan dengan pehak Kerajaan² tempatan supaya mereka dapat memberi peruntukan yang lebih, mudah²an dapat di-adakan perkhidmatan kepada seluruh negara.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Speaker, saya hendak berchakap sedikit dalam undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan Perpustakaan Negara dan berkenaan dengan perkara² yang berhubungan dengan-nya, dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Speaker, Sir, I support this Bill called "The National Library Act" and I congratulate the Government on the establishment of a National Library.

Tuan Speaker, in my constituency of Larut Selatan we have a small library called the Merdeka Library. This Library is popular with the public but the library needs more books and funds. I, therefore, would like to make a request, in conjunction with Part II, Clause 4(1) (a), (b) and (c), and I quote:

"4. (1) (a) to advise the Minister on all matters relating to libraries and library services;

(b) to promote a nationwide system of free public libraries and library services in Malaysia;

(c) to promote and co-ordinate the development and use of the library resources of the nation;"

I hope that the National Library once established would absorb the Merdeka Library in Taiping and run it on a national basis. Sekian, terima kaseh.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam membahaskan Rang Undang² Perpustakaan Negara ini. Sa-bagai sa-orang yang sunggoh² meminati soal yang berhubungan dengan perpustakaan dan penyelidikan ini untuk dapat memberi sedikit pandangan di-atas Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya kerana Rang Undang² ini di-kemukakan dalam Dewan ini saperti yang telah di-ucapkan oleh banyak Ahli² Yang Berhormat sebentar tadi memang-lah maseh lagi ada kekurangan-nya. Tetapi kekurangan² ini tentu-lah boleh kita betulkan dan boleh kita tambah di-masa akan datang ini, akan tetapi dalam hubungan ini, rasa saya, saya berharap rakan sa-jawat saya Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat menambahkan lagi di-masa yang akan datang ini dan mengetatkan lagi undang² yang ada ini supaya membolehkan Perpustakaan Negara kita ini tidak hanya sa-takat mengumpul buku² sahaja, tetapi juga menubuhkan berbagai² seksi yang ada kaitan rapat dengan buku² dan penyelidikan. Mithal-nya dalam Bahagian II, Fasal 3, Cheraian (c) ada menyebutkan di-sini hanya "menyokong penyelidikan dan penyiasatan pada peringkat kebangsaan". Rasa saya, undang² ini tidaklah kuat, hanya menyokong penyelidikan sahaja.

Apa yang saya maksudkan dalam Perpustakaan Negara sendiri harus menubuhkan Bidang Penyelidikan sendiri atau Seksi Penyelidikan sendiri dan dapat bekerjasama dengan Badan Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Malaya mithal-nya, Universiti Kebangsaan dan lain² universiti lagi kerana badan² saperti Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja membuat penyelidikan tidak cukup dengan tenaga yang ada, terutama sa-kali dalam bidang sejarah dan mengumpul bahan² yang telah hilang, yang telah bercherai, yang telah bersepah di-sana sini dan lebih² lagi telah di-khianati oleh penjajah² dahulu ternyata hubungan Badan Penyelidikan ini ada-lah amat penting di-besarkan dan di-lengkapkan lagi dengan pegawai² yang pakar atau sa-kurang²-nya

pegawai² yang terlatah supaya mereka dapat membuat penyelidikan bukan sahaja dalam negeri, tetapi juga ka-luar negeri.

Kalau tidak silap pada ingatan saya, dalam kira² pertengahan kurun yang ke-sembilan belas, saya lupa tahun-nya, sa-buah kapal yang penuh sarat dengan buku² Perpustakaan Melayu yang bertulis tangan telah di-tenggelamkan oleh Raffle di-lautan dekat dengan Pulau Sumatra, atau pada masa itu di-panggil Pulau Andalas. Sa-chara kebetulan pula di-katakan kapal itu tenggelam di-pukul ribut menurut sejarah-nya, sayang-nya Raffle sendiri dengan anak² kapal-nya selamat, tetapi buku² itu telah hilang. Apa yang saya katakan di-sini dan boleh-lah saya anggap itu ada-lah satu pengkhianatan kapada Perpustakaan Bahasa Melayu di-abad yang silam dan lebeh malang lagi, perkara yang berlaku dalam pertengahan kurun yang ke-sembilan belas ini berlaku lagi dalam zaman kita ini, belum lama lagi, ketika Penasehat British di-mansokhkan sa-belum kita mencapai kemerdekaan. Saya dapat tahu dari puncha yang boleh di-perchayai, ada di-antara Penasehat² British kita ini telah membakar fail² dan juga dokumen² yang penting, yang boleh di-jadikan bahan penyelidikan dan boleh di-jadikan bahan sejarah, yang boleh di-bukukan untuk perpustakaan kita, telah di-bakar dan hangus.

Ini rasa saya juga satu pengkhianatan kapada chita² hendak mengujudkan dan membentok serta mengabadikan Perpustakaan Negara kita supaya kaya. Saya berharap Badan Penyelidikan yang saya maksudkan tadi, yang akan di-letakkan dalam Perpustakaan Negara kita ini boleh di-harapkan dapat menemui bekas² Penasehat British (BA) yang maseh hidup supaya mereka memberi butir² yang boleh kita yakini. Dan jika dapat, mungkin mereka itu ada menyimpan lagi fail² atau tulisan² atau lain² perkara yang ada hubungan dengan pemerentahan penjajahan Inggeris dahulu dalam Negeri² di-Tanah Melayu kita supaya dapat kita bukukan dan di-letakkan dalam perpustakaan negara.

Sa-lain daripada itu, saya juga dapat tahu daripada orang² yang telah pergi dan daripada puncha yang boleh di-perchayai, banyak lagi bahan² yang boleh kita masukkan dalam perpustakaan kita ini yang ada tersimpan di-negara² Sepanyol—di-Lisbon dan juga di-Portugal dan di-

sa'at yang akhir ini saya dapat tahu ada tersimpan bahan² ini di-Moscow (Russia) dan memang tidak sedikit yang tersimpan di-negeri Belanda dan ada juga khabar-nya bahan² ini telah di-bawa ka-Amerika Selatan oleh orang² Sepanyol di-zaman dahulu, yang datang ka-negara² Semenanjung atau Negara² di-alam Melayu ini. Ini juga patut di-adakan peruntukan khas bagi Pegawai² Penyelidik ini mesti-lah pergi ka-negara² ini mengambil dan membeli buku² ini. Kalau tidak dapat pun buku² yang asli, sa-kurang²-nya salinan atau pun photostat. Ini amat-lah berharga bagi kita untuk bahan penyelidikan dan untuk keturunan kita akan datang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerjasama dengan negara² jiran, terutama sa-kali negara² ASEAN sekarang ini dalam mengadakan penyelidikan dan menggali serta menchari bahan² yang telah hilang daripada Perbendaharaan Perpustakaan Negara kita, sa-umpama negara Camboja, negara Annam, negara Thai, Philippina dan memang tidak kurang di-Indonesia, dan juga Singapura sendiri, banyak bahan² yang perlu dan patut di-jadikan buku² untuk perpustakaan kita. Saya berharap peruntukan wang patut di-minta kapada Kerajaan agak lebeh sedikit dalam bahagian ini dan tujuan kita yang terkandung di-dalam Fasal 3 (c) itu patut-lah bukan hanya sa-takat menyokong sahaja, melainkan mengadakan sendiri, dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain² badan seperti yang saya katakan tadi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk membesarkan dan menggalakkan lagi perpustakaan kita ini seperti yang di-sebutkan oleh rakan² saya tadi tidak terbatas di-Ibu Negara sahaja melainkan juga patut sa-bagai di-letakkan di-bawah tanggungjawab Perpustakaan Negara, ia-itu menggalakkan pembentokan Badan² Perpustakaan di-Ibu Negara kita sendiri, di-Ibu Kota tiap² Negeri, daerah² dan juga di-kampung. Bantuan² yang perlu-nya dan pertolongan² yang sa-patut-nya patut-lah di-berikan kapada badan² ini, sama ada mereka itu hendak membentok atau menubuhkan perpustakaan di-tempat masing² dengan chara memberikan buku² dan sa-bagai-nya.

Sa-lain daripada itu, untuk mendapatkan buku² ini, yang akan menjadi bahan atau pun khazanah perpustakaan kita, mesti-lah datang dari orang² yang menerbitkan buku. Pehak

penerbit buku pula tidak akan dapat menerbitkan sa-buah buku itu kalau tidak datang daripada kerjasama penulis²-nya dan mereka yang menulis ini tidak akan dapat menulis buku² yang bernilai dan tidak akan dapat menjalankan penyelidikan dan juga penyiasatan yang lebih rapi dan lanjut jikalau poket-nya kosong dan mutu buku ini dari segi ilmiah-nya tentu-lah tidak begitu memuaskan, kalau sa-takat mereka itu hanya membaca dengan merujuk buku² yang telah sedia ada sahaja dengan tidak mereka itu menchari bahan² baharu dan bahan² yang belum tertulis dalam buku. Saya katakan bagini kerana banyak lagi bahan² yang dari mulut ka-mulut dan mungkin ada buku² yang tersimpan entah di-mana, oleh orang² kampung kita yang mesti di-selideki dan mesti di-chari. Sa-umpama baharu² ini saya telah berchakap dengan beberapa orang Ahli Sejarah di-Kelantan. Mereka menyatakan ada tersimpan lagi oleh sa-orang, yang saya lupa nama-nya, dalam sa-buah peti besi yang tidak siapa pun boleh membuka-nya dan mereka tidak mahu membenarkan sa-siapa pun meminjam buku² yang tersimpan itu. Sa-olah²-nya ada-lah menjadi satu harta yang paling mahal harga-nya kepada mereka dan kepada tuan punya. Ini ada-lah satu perkara yang sangat elok kerana tersimpan-nya dengan baik, tetapi buku ini tidak akan berharga kalau hanya tersimpan di-dalam peti besi yang selamat sahaja, dengan tidak di-baca dan tidak di-jadikan perpustakaan.

Kerana itu, ini-lah satu daripada tugas yang sa-patut-nya kepada Badan Penasehat dan juga Pengarah Badan Perpustakaan ini dan tidak hanya seperti yang saya katakan tadi sa-takat menyimpan atau meletakkan buku² yang telah terchetak sahaja, atau pun menyimpan buku² yang telah pun terjual di-kedai² sahaja.

Jadi, tugas ahli² dan pegawai² yang berkenaan di-Perpustakaan Negara ini tidak sa-mesti hanya dengan membeli buku dengan tidak membuat sa-suatu yang baik mengadakan penyelidikan, menchetak buku²-nya sendiri, atau pun dengan kerjasama orang persorangan atau badan² persuratan, badan² sejarah yang ada dalam tanah ayer kita ini. Kerana badan² sejarah dan badan² penulis dalam tanah ayer kita ada tetapi mereka ada-lah kekeringan, kekeringan dalam bahan di-sebabkan kekeringan poket-nya sendiri. Ini-lah satu perkara yang menyebabkan lambat-nya penyelidikan, penyiasatan yang

di-jalanlan oleh badan² sejarah dan badan² penulis yang banyak dalam tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sedikit pandangan saya, mudah²an Rang Undang² ini akan menjadi asas kepada terbentuk-nya satu lagi Undang² yang lebih lengkap dan jika mungkin dapat dengan sa-beberapa chepat yang boleh salah satu daripada tujuan ini bukan sa-takat menyokong penyelidikan dan penyiasatan kepada peringkat kebangsaan sahaja, tetapi perlu menubuhkan sendiri Badan Penyelidikan dan, tetapi membuat penyiasatan dan penyelidikan di-seluruh penjuru alam dunia ini, di-mana sahaja ada bahan² yang akan boleh menjadi perpustakaan kepada negara kita ini yang amat bernilai sa-kali, kalau tidak, apa yang terjadi dalam kurun² atau seribu tahun yang lalu di-tanah ayer kita ini atau di-alam Melayu ini tidak akan dapat di-ketahui, atau dinilai oleh anak chuchu chichit kita di-masa akan datang.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan sa-suatu yang baik dari Undang² ini. Terima kaseh.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan yang di-Pertua terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² ini dan supaya saya dapat dengan lebih jelas lagi menjawab tegoran², pandangan² yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat, saya minta izin supaya saya dapat berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I am very glad that the Bill generally has had a very favourable reception from the House and that so many Honourable Members have put forward ideas and constructive criticisms on the Bill itself.

I would not attempt to deal with all the points which have been brought out speaker by speaker or one by one. I would sum them up generally under several heads.

The point which was raised by the Honourable Member for Seberang Selatan that the development of a National Library system should not be confined to only the big towns but also should be extended to the rural areas was also shared by several other speakers. I can assure Honourable Members

that the intention is that we should not only have a National Library but that we should have a system whereby we also would have State public libraries and that the States would bring appropriate legislation in time and extend these to the different areas and to the Districts throughout the States.

The other point which has been brought up by the Honourable Members was on the exclusion. I think the Honourable Member for Muar Dalam was the first to bring it up, that this particular Bill is confined to the States in West Malaysia and excluded the States of Sabah and Sarawak. As has been explained by my colleague the Honourable the Attorney-General, this has been done because under the Ninth Schedule, List IIA, Section 17 of the Constitution, Library is a State subject and therefore it is not within the power of this House to legislate for the States of Sabah and Sarawak. Nevertheless, it is not our intention to exclude these two States and, as has been pointed out by the Member for Muar Dalam, under Clause 4, we, in fact, cover the actual operations of the National Library to the whole nation. This is done advisably because we cannot have a National Library and confine its operations to only one section of the country. I can assure Honourable Members that there is very close co-operation, in fact, and we keep in very close touch with the librarians in the two States.

I am also glad to inform Honourable Members that, in fact, these two States were the most advanced in their library system in the whole of Malaysia. In these two States, not only have they got libraries in the State Capital, but they also have libraries in most of the Local Authorities throughout the State. And these libraries are in fact run by the Local Authorities with the support of the State. In fact, in Kuching, I know that there are two libraries. There is a State Library, which is a reference library, and there is also a Municipal library which is run by the Municipality. This is our aim, that we would like to encourage all the States to set up libraries on similar lines so that we have a system which would cover the whole country and that in this connection, we would develop libraries, as part of our plan under the Second Malaysia Plan, to raise the standard of living and to raise the standard of culture and knowledge of the people throughout the country.

Now, the other point which I think was raised by my colleague the Deputy Minister of Agriculture and Fisheries is concerning the need for research and publications. He also referred to the desirability of collecting old records which go back to our colonial past and also beyond our colonial past. For the information of the Honourable Minister, I would like to tell the House that this, in fact, is being done by our National Archives Section. We have, in fact, had copies of most of the records he referred to, not all of them but some of them, which we have been able to buy in the form of micro films or copies and they are now kept in the National Archives. This is also a part of the Department but run separately under the National Archives.

With regard to the other points which have been raised by the Honourable Member for Larut Selatan concerning the Merdeka Library, if I am not mistaken, this is the one at Taiping. This should form part of the State library system and it should be regarded as a part of the State library system.

With regard to the representatives of the Advisory Board we will note what has been said by Honourable Members, but for the present moment it is not possible to include members from East Malaysia because of the provisions of the law. But at the same time, I can assure Honourable Members that we will be working in very close touch with the State Authorities and in fact the advice of the Director-General of the National Library and Archives would be available not only to the States in East Malaysia but to all the States in West Malaysia and it would be given free-of-charge to the States.

I think that covers most of the points which have been raised by Honourable Members. Once again, I would like to thank them for their constructive criticisms and I am sure we will take note of these in the implementation of the Act when it becomes law.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 15 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEMEGANG PAJAKGADAI

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² Pemegang Pajakgadai, 1972 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mengganti 9 buah undang² yang berasingan yang ada sekarang mengenai pajakgadai (saperti yang tersebut dalam jadual di-Fasal 49), yang di-kuat-kuasakan di-Negeri² Malaysia Barat dan Timor masing², sejak beberapa tahun sa-belum merdeka. Undang² lama yang berasingan itu tidak lagi sesuai pada masa sekarang dan Rang Undang² ini bertujuan mengadakan undang² yang sa-ragam dan lebeh kemas yang akan berkuat-kuasa di-seluruh Malaysia. Antara lain Rang Undang² ini mengandongi peruntukan saperti berikut:

Bahagian II ia-lah peruntukan bagi Malay-sia memegang pajakgadai;

Bahagian III peruntukan bagi memajak-gadaikan dan menebus barang², dan bagi kadar² keuntongan (interest atau "bunga") yang boleh di-kenakan;

Bahagian IV peruntukan bagi menche-gah urusan² yang menyalahi undang²;

Bahagian V peruntukan mengenai pembi-charaan dan langkah² pembicharaan;

Bahagian VI peruntukan bagi penalti dan luchutan hak, dan yang akhir,

Bahagian VII ia-lah peruntukan 'am.

Sayugia di-ambil perhatian bahawa Fasal 3 dalam Bahagian I ada-lah menetapkan orang² yang di-sifatkan sa-bagai pemegang pajakgadai. Fasal 5 mengadakan peruntukan supaya pemegang pajakgadai boleh di-kena-kan tanggungan kerana perubahan² ejen dan penjawat-nya.

Dalam Bahagian II, Fasal 8 memperuntok-kan bahawa tiada apa² jua lesen boleh di-beri kepada sa-saorang melainkan jika di-tunjok-kan suatu perakuan dari polis bahawa orang itu ada-lah orang yang sa-patut-nya di-beri lesen sa-bagai pemegang pajakgadai. Fasal 10 memberi kuasa kepada Menteri untuk mempelawa tender bagi hak menerima lesen. Fasal II menguntokkan kuasa bagi Menteri untuk memansokhkan lesen. Fasal 13 mem-beri kuasa kepada sa-saorang pegawai pelesen untuk mengeluarkan perintah kepada sa-saorang pemegang lesen yang lesen-nya telah tamat atau di-tamatkan untuk menye-rahkan kepada sa-saorang pegawai semua sandaran yang di-pegang sa-bagai pajakgadai kepada pemegang lesen itu serta segala buku² dan akaun yang di-simpan oleh-nya. Pegawai itu akan memegang sandaran itu dan akan menyerahkan-nya apabila wang yang di-pinjam itu telah di-bayar.

Bahagian III, Fasal 14 menetapkan buku untuk di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen dan surat-pajakgadai untuk di-beri kepada sa-saorang pemajakgadai. Fasal 17 memperuntokkan kuasa bagi Menteri untuk menetapkan kadar keuntongan atas sa-suatu pinjaman. Fasal 18 dan 19 mengadakan peruntukan mengenai tempoh dalam mana sa-suatu sandaran boleh di-tebus dan menge-nai perlanjutan tempoh itu. Fasal 20 meng-adakan peruntukan² mengenai keadaan² dalam mana sa-saorang pemegang lesen boleh enggan menyerahkan sandaran². Fasal 23 mengadakan peruntukan bahawa sa-suatu sandaran yang di-pajakgadai untuk wang berjumlah tidak lebeh daripada \$100 yang tidak di-tebus dalam tempoh yang di-tetap-kan atau dalam tempoh yang di-lanjutkan itu, hendak-lah menjadi harta pemegang lesen itu. Jika sa-suatu sandaran yang di-pajakgadai untuk wang berjumlah lebeh daripada \$100 tidak di-tebus sa-demikian, sandaran itu hendak-lah di-lepaskan mengikut chara yang di-tetapkan dan jika di-jual dengan harga lebeh daripada jumlah pinjaman dan keun-tongan yang kena di-bayar pemegang lesen itu hendak-lah menghantar kepada pemajak-gadai itu melalui Pos Berdaftar satu penyata mengikut bentok yang di-tetapkan. Jika sa-suatu tuntutan di-buat dalam tempoh 4 bulan sa-lepas jualan itu, maka ia hendak-lah membayar kepada pemajakgadai itu lebehan itu. Jika tiada apa² tuntutan di-buat ter-hadap lebehan itu dalam tempoh 4 bulan, lebehan itu ada-lah di-kira sa-bagai wang

yang tidak di-tuntut dan hendak-lah di-bayar kepada Akauntan Negara dalam tempoh empat belas hari sa-lepas tamat tempoh empat bulan (Fasal 26). Fasal 27, mengadakan peruntukan supaya Perbendaharaan boleh membenarkan pembayaran wang yang tidak di-tuntut itu kepada mana² pehak menuntut dan sa-kira-nya sa-lepas bayaran itu ada sa-suatu tuntutan terhadap wang itu oleh sa-saorang lain, maka orang lain itu tidak-lah berhak mendapat-nya, tetapi ia boleh membuat tuntutan terhadap orang yang kapada-nya wang yang tidak di-tuntut itu telah di-bayar.

Dalam Bahagian IV, Fasal 31 mengadakan peruntok bahawa Polis hendak-lah memberitahu pemegang lesen itu dengan sa-berapa segera yang boleh mengenai apa² harta yang di-laporkan hilang, di-churi atau di-lepaskan sa-chara lain, dengan tipuan. Pemegang lesen hendak-lah memberitahu Polis jika sa-suatu harta yang bersamaan dengan perihal yang di-beri oleh Polis itu telah di-tawarkan atau di-tunjukkan kapada-nya. Fasal 33 memberi kuasa kapada sa-saorang Majisteret, pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan, pegawai pelesen, Inspekter Pemegang Pajakgadai dan pegawai berkuasa untuk memeriksa buku² yang di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen.

Sekian-lah Tuan Yang di-Pertua, huraian sa-chara ringkas mengenai Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menchadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacheaan kali yang kedua.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Tajuddin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap dalam Rang Undang² ini. Saya menyokong Rang Undang² Pemegang Pajakgadai yang telah di-kemukakan dalam Dewan ini oleh Menteri yang berkenaan. Satu perniagaan yang baik sa-kali sa-belum negara kita merdeka, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kedai pajakgadai. Tumbuh²-nya kedai² ini sa-olah² macham chendawan dalam tanah ayer kita ini. Lepas merdeka baharu-lah perniagaan ini di-atasi dengan bank² yang banyak dan kita mesti tanya pada diri kita sendiri, ada-kah pajakgadai ini memberi

keuntungan kapada negara kita dan terutama sa-kali kapada penduduk² luar bandar. Saya dengan tegas-nya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, kedai² ini kebanyakan membuat untong yang lumayan dengan chara² putar belit dan bermacam² perkara di-jalankan. Dan dalam Rang Undang² ini ada menyatakan:

“Rang Undang² ini ada-lah bermaksud untok mengatasi berbagai² Undang² yang ada sekarang. . . .”

Jadi bermacam² Undang² telah pun dibuat berkaitan dengan pajakgadai ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya rasa ini bukan yang akhir sa-kali. Oleh sebab, saya menegaskan terlebih dahulu tadi, banyak putar belit dan banyak penipuan lagi. Banyak duit orang luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, terchurah, terbuang masuk dalam parit ia-itu di-hisap oleh kedai² pajakgadai. Saya berfikir dalam Rancangan Malaysia Kedua ini tujuan Kerajaan yang tegas sa-kali ia-lah hendak memberi pendapatan kapada orang² kampung ini berlebehan sedikit. Tetapi oleh sebab ada-nya pajakgadai ini berjalan dengan ta' baik, ta' sesuai dengan perkembangan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir dan mengeshorkan kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada-lah lebih baik pajakgadai ini di-jalankan sa-chara lain sedikit mengikut perkembangan negara kita ia-itu pajakgadai ini biar-lah berkongsi dengan pehak MARA atau pun PERNAS atau pun sharikat bekerjasama supaya chara² menggadai dan sa-bagai-nya dapat di-selenggarakan dengan lebih baik lagi dan dapat memberi keuntungan kapada pehak orang² kampung kita. Kalau tidak, maka sa-lama itu-lah pencharian orang² kampung dengan penat-lelah-nya kesemua-nya akan pergi ka-pajakgadai. Pada ketika sedang sesak atau pun sa-belum orang² Melayu kita menghadapi perayaan Hari Raya Puasa atau Hari Raya Haji, kita tengok penoh mereka itu sesak dalam kedai pajakgadai; di-sabelahnya dia gadai, di-sabelah lagi di-namakan pajak-lelap, Tuan Yang di-Pertua. Di-antara 15 hingga 20 peratus barang² yang di-gadai itu ta' balek ka-rumah lagi. Jadi tinggal-lah di-situ sahaja. Ini di-namakan pajak-lelap. Saya rasa tidak patut Kerajaan biarkan perkara ini berjalan berleluasa memandangkan 20 peratus barang² itu masuk ka-pajak-lelap. Ini tentu-lah ada satu perkara yang berat

kapada ra'ayat jelata kita di-luar bandar. Saya berharap ia-itu satu daripada-nya biarlah chara² yang di-jalankan oleh pajagadai ini memuaskan. Kalau kita menggadai barang di-pajakgadai yang di-berikan satu kertas panjang-nya 8 inchi dan lebar-nya lebeh kurang 4 inchi, di-tulis dengan satu jenis tulisan sahaja, di-chap dengan chap merah, segala tulisan-nya pun kita ta'boleh baca. Jadi untong nasib orang² di-luar bandar, orang² yang menggadai barang itu, segala jiwa raga-nya di-serahkan bulat² kapada kedai pajagadai ini.

Kalau kita tinjau kedai perniagaan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok terus-menerus, dalam tanah ayer kita ini ta' ada satu kedai pajagadai pun yang jatuh bengkerapi (bankruptcy). Ini dapat di-buktikan. Sebab apa? Sebab mereka ini menjalankan perniagaan dengan senang dan mendapat keuntungan sa-chara besar²an.

Dengan ada-nya Rang Undang² ini, Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau sa-sorang itu hendak membuka perniagaan pajagadai, dia mesti mengadakan tender. Di-Negeri Perak, Dato' Yang di-Pertua, baharu² ini ia-itu tahun 1971 sa-orang sahaja yang mendatangkan tender enam tujoh pajagadai di-Jajahan Kinta dan ke-semua-nya dia dapat, orang China yang datang daripada Negeri Kedah, dia tender, semua-nya ia dapat. Sa-lepas di-pereksa oleh pehak Polis mengatakan kerekter-nya bagus, orang-nya baik dan sa-bagai-nya, dia tender, ka-semua-nya dia dapat dan dia bolot. Apa di-buat kemudian-nya, Dato' Yang di-Pertua? Dia naikkan harga, kemudian di-berikan kapada orang lain. Di-sini ada satu Fasal, Dato' Yang di-Pertua, muka 10 menyatakan:

"Menteri boleh membenarkan orang ini membuat kontrek kapada orang lain sa-lepas orang itu dapat menggunakan tender dan dia berjaya, dia boleh beri kontrek."

Jadi pehak polis sudah ta' ada kena-mengena dengan pehak yang nombor dua, ia-itu yang memegang kontrek. Jadi kalau RBC pun dia boleh menjalankan pajagadai itu. Bagaimana Undang² kita ini boleh berjalan dengan begitu senang dan boleh di-katakan terator, Dato' Yang di-Pertua.

Saya katakan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, sistem yang di-beri kapada kontrek ini jangan di-beri dan kita mesti-lah hadkan orang²

yang hendak tender itu, umpama-nya katakan di-Kinta, biarlah orang di-situ sahaja boleh bertender, orang yang telah pun di-vetted oleh Polis maka orang itu sahaja mesti menjalankan urusan-nya, bukan orang lain. Kalau tidak bermacam² tipu helah akan terjadi dan mangsa-nya ia-lah orang di-luar bandar.

Kita boleh nyatakan, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah pajagadai ini sa-olah² macham bank orang kampung, kalau bank besar² saperti United Malayan Banking dan sa-bagai-nya ia-lah bank yang bertanggungjawab, tetapi bank luar bandar ini apabila orang sesak sahaja, di-kalangan orang kampung di-katakan pajagadai, kadang² pajak sesak. Bila sesak pergi-lah mereka pada masa itu ambil duit di-sana. Jadi, ta'kan kita hendak benarkan dia berjalan berluas²an bagini, Dato' Yang di-Pertua, dan sa-bagaimana yang saya telah nyatakan terlebih dahulu tadi 20% daripada barang² yang di-gadai itu semua-nya sudah lesap. Harapan orang kampung begitu juga kapada pajagadai dalam sa-buah negara yang membangun saperti Malaysia kita ini, kita ta' boleh benarkan pajagadai ini berjalan mengikut suka hati mereka itu sungguh pun dengan ada-nya undang² ini saya katakan ta' chukop lengkap.

Saya ada-lah menyokong Rang Undang² ini, tetapi saya rasa ta' chukop lengkap kalau perjalanan-nya pun ta' sesuai dengan perkembangan masa kalau kita pergi ka-negara² barat saperti Amerika dan England, ta' ada pajagadai di-sana. Kenapa orang di-sana lebeh senang ia-lah dengan ada-nya urusan bank ia-itu menunjukkan orang kampung ini memang ada duit, di-bawa barang dan di-gadaikan. Gadaikan barang itu memang-lah duit dan mengapa tidak buka bank di-kampong². Saya rasa lama-kelamaan akan timbul-lah bank² di-sana mengambil tempat pajagadai. Kalau masa-nya telah tiba, mengapa tidak di-buat sekarang. Saya rasa ada-lah lebeh sesuai sekarang ini dengan champor-tangan Shari-kat Kerjasama, PERNAS atau pun MARA. MARA banyak mempunyai duit. Begitu juga MIDFL dan sa-bagai-nya dengan wang berjuta² ringgit, walhasil MIDFL ta' ada satu sen pun berguna kapada orang² Melayu, mengapa di-berikan juga. Pegawai²-nya ta' ada langsung bersimpati dengan orang² Melayu, mengapa tidak ambil-aleh wang daripada MIDFL itu. Buat Bank di-luar bandar, Kerajaan boleh mendapat untong

dan orang kampung boleh hidup senang, ada harmoni di-antara kedua² belah pehak. Payah saya hendak mengikuti sa-tengah² daripada Rang Undang² Kerajaan ini—pindaan, pindaan, pindaan; balek² di-tempat itu juga.

Dato' Yang di-Pertua, saya hendak mentoh sadikit di-dalam Rang Undang² ini yang ada menyatakan kalau satu barang di-gadaikan harga-nya \$100 lebeh dan kalau pengadai itu sampai had-nya ta' di-tuntut, maka empat bulan lagi akan di-benarkan lanjutan ini dan satu borang juga akan di-keluarkan. Kalau pajakgadai itu menjual barang itu dengan harga sekian², dia mesti beri laporan kepada orang yang menggadai dan barang yang di-jual lebeh itu mesti di-beri kepada pehak penggadai dan jangan di-kurangkan satu sen pun untuk di-sampaikan kepada orang yang menjualkan. Borang ada, duit lebeh tetapi ta' sampai balek. Kalau ada perkara itu berlaku, maka negeri kita ini ta' akan menjadi huru-hara bagini.

Saya menitek-beratkan lagi, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah usaha dan tenaga pajakgadai² itu ta' baik, ta' terator. Oleh sebab itu, ada-lah di-harapkan kepada Yang Berhormat Menteri apabila di-jualkan pajakgadai itu hendak-lah di-beri kepada Akauntan Negara. Harapan yang sa-demikian itu, saya boleh menyatakan dengan terus-terang di-sini, Dato' Yang di-Pertua, sangat² tipis, jangan di-harapkan langsung.

Dato' Yang di-Pertua, berkenaan hal ehwal mendatangkan tender ini, saya fikir biar-lah kalau hendak di-panjangkan juga urusan hal ehwal pajakgadai ini beri-lah kepada orang² tempatan, jangan-lah seperti yang saya telah nyatakan tadi ramai orang yang datang daripada Negeri Kedah dan sa-bagai-nya membuat tender, dia dapat dan di-bolot-nya semua dan lepas itu dia bahagi² kan kepada orang lain. Saya rasa tujuan yang utama-nya, Dato' Yang di-Pertua, kita hendak memelihara kan supaya sa-sorang itu menjalankan urusan pajakgadai ini biar-lah orang yang bertanggung-jawab sadikit, bukan saya katakan 100% di-jamin, tidak. Oleh sebab itu bukan-lah sa-mata² Kerajaan mengharap kan hendak duit tender yang tinggi sa-kali, saya rasa, tidak-lah begitu bahkan sa-lagi kita dapat orang yang bertanggung-jawab sadikit, orang yang boleh di-harapkan, biar-lah tender itu rendah,

ta' mengapa, kita berikan kepada-nya. Jadi yang di-benarkan orang itu datang daripada luar, mesti-lah kita hendakkan tender yang tinggi sa-kali dan akhir²nya dia bukan menjalankan urusan-nya sendiri, bahkan di-berikan terus-menerus kepada orang lain.

Dato' Yang di-Pertua, muka 9, cheraian 12 (1) ada menyatakan:

“ membuka kedai berlesen itu tiap² hari mula² dari pukul 8 pagi hingga pukul 6 petang ”

Saya rasa ini pun ta' berapa betul, kerana mesti-lah ada perkara kechualian ia-itu ta' kan hari Ahad pun hendak buka, atau pun hari kelepasan hendak di-buka juga. Saya rasa di-mana² pun ada kelonggaran.

Ini-lah sahaja tegoran saya, Dato' Yang di-Pertua, dan saya harap apa yang saya telah nyatakan pada Dewan ini terhadap Menteri terutama sa-kali, saya harap mendapat perhatian supaya urusan pajakgadai ini dapat di-jalankan dengan lebeh baik dan terator lagi. Sekian, terima kaseh.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungei Patani): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang² Pemegang Pajakgadai, 1972 di-mana terdapat menyatu dan memperkemas kan Undang² Pajakgadai yang sedang berjalan di-beberapa buah negeri sekarang ini.

Pajakgadai ada-lah satu tempat yang mudah sa-kali orang ramai mendapat perlindungan atau bantuan sa-kira-nya berlaku sa-suatu kesulitan hidup.

Dato' Yang di-Pertua, saya berharap sa-belum Undang² ini di-laksanakan, Kerajaan hendak-lah mengambil terlebih dahulu pegawai² dan memberi latehan yang sa-chukop-nya bagi mengawal dan mengawasi perlaksanaan Undang² ini. Penerangan² bagi mengetahui sa-jauh mana ra'ayat atau pehak yang menggadaikan barang² mereka mendapat perlindungan seperti mana yang termaktub dalam Undang² ini mesti-lah di-berikan dengan sa-luas²nya kepada ra'ayat melalui Jabatan Penerangan, atau lain² perhubungan raya yang boleh di-gunakan oleh Kerajaan. Seperti mana yang terchatet dalam Undang² ini Kerajaan mesti-lah menetapkan bentok² surat pajakgadai itu supaya lebeh sempurna, ia-itu tulisan-nya hendak-lah terang memberikan tarikh gadai

dan tarikh lelap barang² itu. Surat² pajak-gadai yang ada sekarang telah di-buat di-atas kertas gadaian kurang mutu-nya, kadang² ta' boleh nampak tulisan barang² itu dan patut-lah di-mestikan syarat-nya supaya tulisan² dalam surat pajakgadai itu di-gunakan hanya dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin peranan yang di-mainkan oleh pajakgadai ini sangat besar di-kalangan orang ramai dan Kerajaan hendak-lah bersungguh² memerhatikan pelaksanaan undang² ini dan mengambil tindakan yang tegas bila berlaku kebochoran pelaksanaan undang² tersebut. Saya mengeshorkan supaya ajensi² Kerajaan mengambil alih peranan yang di-mainkan oleh pajakgadai yang ada sekarang. Saya rasa, tidak salah kalau MARA atau sharikat kerjasama atau perbadan² Kemajuan Negeri masok di-dalam lapangan ini. Ini bukan sahaja boleh mengawal pajakgadai yang benar² boleh dapat menguntongkan orang ramai tetapi Kerajaan jua dan kalau sa-kira-nya satu masa kelak ajensi² Kerajaan ini dapat menyerahkan kepada badan² bumiputra, atau mana² orang bumiputra yang sanggup mengambil alih perniagaan² tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya berchakap ketika Rang Undang² Pemegang Pajakgadai tahun 1972 ini di-bentangkan. Saya berasa gembira kerana kerana undang² yang begitu banyak yang bercheluaru berhubung dengan pajakgadai di-negeri ini dirumuskan pada satu undang² yang akan kita undang²kan, yang akan kita pinda di-masa akan datang, jika di-fikirkan perlu. Saya harap pehak Kerajaan dalam membuat undang² Pemegang Pajakgadai ini jangan-lah hanya mengadakan Undang² Pajakgadai yang mempunyai banyak masaal² yang melibatkan orang ramai dan harus di-ambil perhatian tentang nasib orang² kita di-Kampung² di-luar bandar yang memang suka pergi ka-tempat pajakgadai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga pajakgadai ini terkenal di-kampung² dengan nama bapa, kalau tidak ada duit pergi-lah pada bapa kita di-sana. Bapa kita di-mana? Di-pajakgadai. Sebab itu-lah sa-tengah² orang kampung khas-nya orang Melayu suka sangat membuat emas dengan alasan kerana hendak gadai itu senang, ini-lah, Tuan Yang di-

Pertua. Pemikiran saperti ini, saya dengar sudah menyeluruh dan kalau ini-lah chara pemikiran kita maka pehak Kerajaan harus mengambil perhatian yang sewajar-nya supaya nasib orang² ini jangan di-tindas atau pun di-salah-gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana di-masa² yang telah lalu ada bunga-nya di-kenakan kepada orang² yang pergi menggadaikan barang²-nya di-pajakgadai ini kurang bagitu di-ketahui oleh orang² yang memberi kepada bapa atau pun menggadai barang²-nya. Saya rasa pehak Kerajaan harus memberi ingatan kepada tuan² punya pajakgadai supaya menerangkan dengan sa-jelas²-nya tentang interest atau pun bunga yang harus di-kenakan dan jangan berlaku bunga² yang berlipat ganda sama ada di-tulis atau tidak di-tulis kepada orang² yang menyerahkan barang²-nya di-pajakgadai.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya ingin mengingatkan kepada pehak Kerajaan apakala barang yang di-pajak itu tidak dapat di-ambil oleh orang yang menghantar barang-nya untok di-gadaikan, haruslah di-lelong. Selalu kejadian lelong itu ia-lah dengan chara senyap², panggil beberapa orang: lelong, lelong. Lelong ikut pintu hadapan, pintu belakang juga yang masok. Ini, Tuan Yang di-Pertua, selalu berlaku kejadian. Dengan itu kita tidak tahu lelong itu sa-banyak mana yang sa-patut-nya harga-nya, katakan-lah \$100 kalau di-lelong turun \$80 harga-nya, tetapi dia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak payah di-sentoh kepada perkara² yang halus saperti itu, orang semua tahu mengenai lelong itu. Sebutkan mengenai perkara undang² sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bagini, Tuan Yang di-Pertua, saperti yang di-tetapkan dalam Fasal 17 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak menjimatkan masa Dewan ini, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sebab, ini saya rasa besar guna-nya, kerana dia lelong dengan tidak menguntongkan ia-itu dengan harga yang murah dengan sebab tidak ada orang yang memerhati sa-lain daripada pelelong sendiri yang di-beri lesen oleh pehak Kerajaan dan tuan punya pemegang pajakgadai itu. Jadi kalau harga \$80 dia lelong

\$30 pun boleh jadi. Jadi sa-patut-nya kalau harga \$100 barang itu boleh di-lelong dengan harga \$90 atau pun \$80—yang \$35 itu ditolak kepada duit yang di-ambil dengan kedai pajagadai tadi, yang lebih itu diserahkan balek kapada tuan punya. Kejadian yang telah lalu tidak bagitu. Saya harap pehak Kerajaan mengambil perhatian di-atas hal ini dan saya shorkan supaya tiap² kali lelong hendak-lah ada pemerhati yang terdiri daripada orang² kenamaan saperti JP, atau pun sa-orang Pegawai Polis, atau siapa sahaja yang di-perchayai oleh pehak Kerajaan sa-lain daripada pelelong dan tuan punya pajagadai untuk mengelakkan barang² yang di-lelong itu dengan sa-chara tidak sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: MP tidak boleh?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: JP—kalau di-bohkan kapada MP pun, saya rasa itu tidak apa juga, Tuan Yang di-Pertua.

Sa-lain daripada itu, saya nampak ada dalam Fasal 16 ia-itu syarat yang orang yang boleh menggadai ini berumur 16 tahun, orang yang berumur ka-bawah daripada 16 tahun tidak boleh. Sa-tahu saya kalau mengikut hukum Islam 15 tahun, tetapi kalau mengikut hukum yang selalu di-pakai ia-lah 18 tahun. Saya harap perkara ini pun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Jadi itu-lah sahaja, dan saya harap pehak Kerajaan mengambil perhatian dalam hal orang² kampong yang terlibat dengan pajagadai ini.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (Betong): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to make some brief comments on the Pawnbrokers Bill, 1972, touching upon some points which, I hope, the Government will consider when implementing the Pawnbrokers Bill once it is passed and becomes law.

I am glad that the Government has recognised the need to protect poor citizens from pawnshops in this country. I say this because it is the poor citizens who are the customers of pawnshops, especially in the rural areas where there are no banking facilities and no other means of borrowing, with guarantees against personal valuables or land titles. Pawnshops can be termed as poor

man's banks or loan corporations as has been stated by the Honourable Member for Larut Utara. However, most pawnshops charge exorbitant rates of interests at very short period of repayment and the result often is that a person who utilises these pawnshops often does not get back whatever he has pawned. In some cases it is not that they want to be in such a situation but that they may need the ready-money at a very short notice to send a member of their family for medical treatment at the nearest hospital, which can be at some distance away. That money is need to pay for fares and hospital charges. For example, in my area in Saribas District in Sarawak, the nearest hospital is at Simanggang, some 50 miles away. If the poor family has no family valuables or heirlooms, in some cases the land titles are pawned as a guarantee for the necessary money. In some cases, the man gets only a few hundred dollars for 5 or 10 acres of land pawned, on which he can get 10 or even 20 times as much in normal sale transactions. After some time either the land or the valuables cannot be recovered because he is unable to find the money for the sum owing and the high interest accruing. I have known of interest as high as 50% of the sum involved. This situation further makes the poor family poorer with money owed and land and valuables lost in some cases. I therefore put forward some humble submissions that the Government may wish to consider to protect the poor sections of our community who are, I feel, in the majority and mainly in the rural areas:

- (1) Tighter control must be made through this Bill to ensure that once the standard rate is determined, pawnshops should be severely penalised and their licences withdrawn for contravening any provisions of the law.
- (2) Lower rates of interest and longer periods of payment should be made available, with the interest rates chargeable in accordance with the amounts involved, i.e. the lower the amount the lesser the rate of interest chargeable.
- (3) In areas where there is no licensed pawnshop and too far away from the nearest one, co-operative societies should be considered so that the profits so derived can later be ploughed back for the benefit of the community concerned.

- (4) Government officials should make periodic and surprise checks to see that the poor people are not victimised unnecessarily in such an operation.

The situation is further accentuated or aggravated because of the prevailing low price of rubber where the poor rural citizens depend largely on rubber as the source of their too often meagre income. It is almost pitiful to see the people pawning the little valuables that have been their family treasures for generations or their land as their last resort on which they have been dependent on from father to son. I would have thought that in such cases the Government should step in to ensure that the poor are not made poorer, landless and continually impoverished the rest of their lives. Thank you.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berchakap mengenai dengan Rang Undang² Pemegang Pajakgadai, 1972 ini, saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pajakgadai sa-chara tidak langsung ada-lah merupakan sa-bagai bank kepada gulungan² kechil saperti petani, nelayan dan pekerja yang berpendapatan rendah dalam negara kita ini, dan di-sini-lah ra'ayat yang berpendapatan rendah melaborkan modal mereka, tetapi mereka tidak mendapat rasa keuntungan yang lebih daripada gulungan² yang berpendapatan rendah tadi di-sa'at mereka di-dalam kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini ada-lah merupakan satu²-nya jalan keluar yang di-usahakan oleh Kerajaan untuk menolong gulungan yang sa-lama ini di-sembeleh atau pun di-tindas oleh mereka yang berselindung di-sabalek Undang² Pajakgadai yang ada dalam negara kita sa-lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakala kita menghalusi kepada undang² ini ada beberapa perkara yang saya khuatir kalau² di-sabalek Rang Undang² ini akan di-gunakan oleh gulungan² yang tertentu nanti bagi menindas gulungan² yang berpendapatan rendah saperti yang saya terangkan baharu sa-kejap tadi.

Masaalah yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah tentang Fasal 22 mengenai dengan tanggung-jawab pemegang lesen berkenaan dengan sandaran. Mengikut Fasal 22 (1), (2) dan (3) ternampak kepada saya

di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kira-nya barang² yang di-pajakgadaikan oleh sa-sa-orang itu di-dapati rosak di-sebabkan kebakaran, maka orang yang mempunyai lesen tadi hendak-lah menggantikan satu perempat lebih daripada jumlah pinjaman. Tetapi apakala saya menchari di-dalam undang² ini tidak terdapat apa-kah akan jadi kalau barang yang di-pajak itu hilang dengan sebab kechurian, sebab di-dalam ini mengatakan rosak dengan sebab kebakaran. Apa yang saya khuatirkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya gangster dalam negara kita sekarang ini, kalau sa-kira-nya suatu masa orang yang mendapat lesen ini mempunyai suatu chita² untuk mendapat kekayaan dengan jalan yang mudah, dengan jalan yang senang, maka kedai atau pun kedai pajakgadai ini di-beri pertolongan dari dalam untuk di-masoki gangster, maka barang² yang ada dalam kedai tadi, barang² yang di-gadai habis di-rompak dan di-churi, bagaimana-kah kata undang² ini? Sebab kalau saya mengkaji Fasal 22 hanya menyatakan barang² yang rosak di-sebabkan kebakaran. Tidak ada tersebut di-sini barang² yang hilang di-sebabkan kechurian atau di-rompak. Kalau-lah Fasal 22 (3) ini di-katakan atau pun boleh di-tafsirkan termasuk di-dalam istilah: "Mengena² sa-suatu sandaran yang telah binasa atau rosak oleh kerana atau akibat kebakaran, nilai sandaran itu hendak-lah, bagi maksud pampasan kepada pemajakgadai itu di-kira sa-bagai satu perempat lebih daripada jumlah pinjaman atas-nya." Kalau-lah Fasal ini hendak di-gunakan, maka satu perkara lagi yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, takdirkan-lah satu orang mempunyai barang yang berharga \$1,000 di-gadai-nya dengan harga \$100.00 atau \$150.00 kerana di-waktu itu dia berkehendakkan wang sa-banyak \$150.00 sahaja, maka kalau ganti-nya satu perempat lebih daripada jumlah pinjamin atas-nya, saya rasa, tidak sampai kepada harga asal di-atas barang² itu. Kalau berlaku demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka senang-lah bagi orang² yang mendapat lesen ini untuk mendapat barang dengan chara harga murah, dengan chara berpakat saperti yang saya katakan tadi dengan gangster, maka dia boleh dapat barang² kemas ini dengan jalan harga murah di-sabalek dengan chara berselindung di-bawah Fasal 22 (3) itu. Tetapi kalau-lah barang² itu, Tuan Yang di-Pertua, benar² rosak, atau di-sebabkan kebakaran, saya

boleh menerima Fasal 22 (3) ini, sebab masalaah kebakaran bukan-lah masalaah yang kita hendak bakar sendiri kedai, atau hendak berpakat dengan orang suroh bakar kedai, tetapi masalaah merompak ini boleh jadi dalam keadaan moden saperti sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Fasal 22 (2) itu menyebutkan: "... di-sebabkan oleh kebakaran atau lain²"

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Fasal tersebut menyatakan: "22. (2) Pemegang lesen ada-lah bertanggung-jawab atas kehilangan sa-suatu sandaran, sama ada kehilangan itu di-sebabkan oleh kebakaran atau lain² . . ."

Di-sini mengatakan bertanggung-jawab sahaja. Saya tidak tahu chara bertanggung-jawab itu bagaimana hendak di-gantikan sebab kalau pergi kepada Fasal 22 (3) itu ada di-nyatakan chara hendak menggantikannya itu satu perempat itu mengenai dengan barang yang rosak atau barang yang hilang di-sebabkan kebakaran, tetapi tidak di-detailkan, tidak di-terangkan dengan sa-chara jelas, kalau barang itu hilang sebab di-rompak atau di-samun. Ini-lah yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan apabila menjawab perkara ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri dua tiga minit lagi untuk Ahli Yang Berhormat berucap. Esok Yang Berhormat Menteri akan menggulungkan perbahathan ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Saya pun berchadang hendak berchakap dalam dua minit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sa-kali ia-lah masalaah bunga, sebab di-sini hanya-lah menyatakan masalaah bunga ini chara tidak jelas, tetapi di-beri kuasa kepada Menteri akan menentukan menerusi Peratoran² Kechil, barangkali yang berpandukan kepada undang² ini. Apa yang saya suka nyatakan di-sini, apabila pehak yang berkenaan membuat satu Peratoran Kechil mengenai dengan bunga, atau faedah daripada barang yang di-gadaikan oleh sa-sa-orang itu, hendak-lah di-buat perubahan yang banyak daripada apa yang berlaku sekarang ini, kerana saperti yang saya katakan pada mula² tadi, dengan bunga, atau faedah yang sedang berjalan sekarang ini, ada-lah pajakgadai yang ada sekarang ini merupakan bank yang sa-chara tidak langsung yang di-gunakan oleh gulungan yang berpendapatan rendah; mereka yang mendapat lesen ini betul² menindas di-sa'at ra'ayat mendapat kesusahan. Oleh kerana undang² ini di-buat untuk menjaga kepentingan ra'ayat, maka saya perchaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi suatu pertimbangan yang istimewa bagi merendahkan kadar faedah yang akan di-kenakan oleh pajakgadai ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ditanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.